



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

A large, diverse crowd of young people of various ethnicities and styles is arranged in a pyramid-like shape on the left side of the poster. They are standing on a blue gradient background that transitions from light to dark blue. On the right side, there is a large, stylized graphic of a globe with blue and white patterns.

INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 (IBM '15)

MENGUKUR KESEJAHTERAAN
HIDUP BELIA MALAYSIA

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
KNOWLEDGE · ACTION · IMPACT



INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 (IBM '15)

.....

MENGUKUR KESEJAHTERAAN
HIDUP BELIA MALAYSIA

.....

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2015

IYRES adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-13655-0-2

Penyelidik/Penulis

Dr. Hjh. Wasitah Hj. Mohd Yusof
Prof. Madya Dr. Ismi Ariff Ismail
Prof. Madya Dr. Haslinda Abdullah
Prof. Madya Dr. Russayani Ismail
Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan
Prof. Madya Dr. Balan A/L Rathakrishnan
Prof. Madya Dr. Mohammad Fazli Sabri
Dr. Janice Nga Lay Hui
Dr. Wendy Yee Mei Tei
Dr. Aishah Kasa
Mastura Mohamad
Shahhanim Yahya
Shariffah Mamat
Mohd Rizal Mohd Sham

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA
Tel : +603 – 8871 3705 Faks : +603 – 8871 3342
Emel : penyelidik@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

Dicetak oleh:
RDA Press Sdn. Bhd.
No. 3, Jalan 60/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2,
68100 Batu Caves, Kuala Lumpur
Tel : +603-6188 6286
Faks : +603-6187 5679

KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	06
Latar Belakang	16
Pengenalan	20
Pembangunan Indeks Belia Malaysia	24
• Metodologi dan reka bentuk kajian	25
• Domain Kesejahteraan IBM	26
• Kaedah Pembentukan Skor IBM	38
Skor Keseluruhan IBM	40
Skor IBM Mengikut Domain	46
1. Pembangunan Kendiri	46
2. Hubungan Sosial	48
3. Identiti	50
4. Potensi Diri	53
5. Kesihatan	56
6. Pendidikan	60
7. Kesejahteraan Ekonomi	64
8. Keselamatan	67
9. Sosialisasi Politik	69
10. Penggunaan Media	71
11. Waktu Senggang	74
12. Bebas Tingkah Laku Devian	79
Rumusan	84
Skor IBM Mengikut Jantina, Lokaliti, Umur, Etnik dan Pembahagian Mengikut Negeri	88
Kronologi	112



KATA PENGANTAR MENTERI BELIA DAN SUKAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA,

Kepentingan mewujudkan kayu pengukur dalam mengurus pembangunan belia daripada aspek kesejahteraan golongan ini amat penting dalam mengenalpasti impak sesuatu pelaburan yang telah diambil dalam bentuk pelaksanaan aktiviti, program serta dasar-dasar yang telah disediakan baik oleh pihak kerajaan mahupun pihak pemegang taruh. Selaras dengan keperluan tersebut, Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) sebagai penanda aras kepada kesejahteraan hidup belia seperti yang terkandung dalam pembentukan Dasar Belia Malaysia.

Inisiatif melahirkan IBM'15 ini telah dilaksanakan oleh pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan melaksanakan satu sistem pemantauan kesejahteraan hidup belia yang holistik serta boleh diangkat untuk rujukan di peringkat global. Kementerian Belia dan Sukan senantiasa memastikan pembangunan belia negara ini adalah seiring dengan keperluan melahirkan belia yang mempunyai keperibadian unggul. Melalui penanda aras yang dilaksanakan ini, pihak kementerian akan dapat memantau sejauh mana program dan polisi yang telah dibangunkan.

Bagi memastikan IBM'15 dapat dimanfaatkan oleh semua pemegang taruh, inisiatif ke arah meningkatkan pemahaman berkaitan indeks ini perlu dilakukan secara menyeluruh. Inisiatif ini adalah perlu kerana pemahaman yang jelas berkaitan kepentingan serta keperluan indeks ini akan dapat membantu pihak berkaitan merancang serta membangunkan pelan strategi yang lebih efektif. IBM'15 bukan setakat menilai daripada segi keputusan skornya semata-mata malah, apa yang lebih utama ialah tindakan dan langkah seterusnya yang perlu dilakukan untuk melonjakkan pencapaian skor indikator-indikator yang berada pada tahap memuaskan. Gerak kerja ini memerlukan tindakan secara bersepadu (*intergrated approach*) dengan semua pemegang taruh sama ada agensi kerajaan mahupun pihak NGO.

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada pihak IYRES serta semua pemegang taruh pembangunan belia yang telah terlibat dalam membangunkan indeks ini. Sehubungan itu, saya berharap melalui inisiatif ini, perancangan program pembangunan belia di negara ini dapat digubal secara berkesan dan tepat pada sasarnya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Khairy J".

YB KHAIRY JAMALUDDIN
Menteri Belia dan Sukan
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



KATA ALU-ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA,

Selaras dengan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan belia, pihak kementerian terus komited dalam melahirkan IBM'15 yang merupakan indeks keempat yang dihasilkan untuk menilai impak daripada program dan inisiatif yang telah dilaksanakan melalui hasil kesejahteraan hidup belia yang dicapai pada masa ini. Walaupun IBM'15 tidak secara langsung mengukur keberkesanannya sesuatu program pembangunan belia yang dilaksanakan, namun IBM'15 berupaya menjadi panduan dan memberikan maklumat penting tentang ruang dan bidang yang perlu diberi fokus untuk membangunkan generasi belia. Melalui IBM'15, skor domain serta indikator telah diperolehi bagi membantu pemegang taruh pembangunan belia di negara ini untuk menilai sejauh mana tahap kesejahteraan hidup belia Malaysia.

Pembangunan IBM'15 ini dapat memastikan kesejahteraan hidup belia diukur seperti mana yang disasarkan dalam Dasar Belia Malaysia iaitu dengan matlamat memperkuatkannya dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemasu pembangunan strategik negara masa hadapan. Bagi memastikan pencapaian pembangunan belia mencapai impak yang maksimum, pegawai perancang dan pelaksana disaran agar IBM'15 dijadikan sebagai panduan serta input dalam melaksanakan program belia.

Melalui kerjasama yang jitu yang dimainkan oleh pelbagai pihak khususnya Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) sebagai perencana utama program pembangunan belia akan dapat memastikan prestasi kesejahteraan hidup belia di pertingkatkan. Besarlah harapan saya agar prestasi skor yang ditunjukkan ini akan terus meningkat ke tahap yang Sangat Memuaskan menjelang penghasilan IBM yang seterusnya iaitu dalam tempoh empat tahun daripada sekarang.

YBHG. DATUK JAMIL BIN SALLEH
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



KATA ALU-ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA,

Alhamdulillah syukur kehadrat Ilahi di atas limpah dan kurnianya Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan sekali lagi berjaya membangunkan Indeks Belia Malaysia 2015 atau dikenali sebagai IBM'15. Menyedari akan keperluan untuk melakukan diagnosis dan pemantauan berdasarkan data yang kukuh mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi belia masa kini, maka IYRES telah membangunkan indeks yang mencakupi pelbagai dimensi kesejahteraan hidup belia.

IBM merupakan satu indeks yang dibentuk bertujuan memantau perkembangan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia. IBM'15 telah dibangunkan dengan proses inovasi melalui penambahan beberapa domain dan indikator yang dapat mengukur kesejahteraan hidup belia Malaysia. Selaras dengan pembentukan Dasar Belia Malaysia juga maka IBM'15 telah menggunakan kategori persampelan belia yang baru iaitu mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun. Sehubungan itu, bagi IBM'15 perbandingan dengan tahun-tahun lalu tidak dilaksanakan atas faktor perubahan yang signifikan terhadap perkara-perkara yang terlibat.

Secara keseluruhannya, nilai skor IBM'15 berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor 70.22. Nilai skor ini terhasil melalui 58 indikator positif yang telah dibangunkan merangkumi 12 domain iaitu Domain Pembangunan Kendiri, Hubungan Sosial, Identiti, Potensi Diri, Waktu Senggang, Kesihatan, Penggunaan Media, Bebas Tingkah Laku Devian, Kesejahteraan Ekonomi, Pendidikan, Keselamatan dan Sosialisasi Politik. Indikator positif ini dipilih agar selaras dengan pendekatan pembangunan belia masa kini yang menekankan kepada pembangunan belia positif atau *positive youth development*.

Diharapkan agar hasil IBM'15 ini dapat membantu semua pihak berkepentingan dalam merangka serta melaksanakan program pembangunan belia. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan sekalung penghargaan kepada pakar-pakar rujuk IBM'15, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan IBM'15.

DR. HJH. WASITAH HJ. MOHD YUSOF

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

INDEKS BELIA MALAYSIA (IBM) MERUPAKAN INDEKS YANG DIBANGUNKAN BAGI MEMANTAU PERKEMBANGAN KESEJAHTERAAN HIDUP GENERASI BELIA DI MALAYSIA. IA AKAN BERTINDAK SEBAGAI PENANDA ARAS DALAM MENGIKUR SEJAUHMANA PENCAPAIAN TAHAP KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA SAMA ADA BERLAKU PENINGKATAN ATAU PENURUNAN DARIPADA NILAI SKOR YANG DIPEROLEHI.

Sepertimana pada tahun sebelum ini, indeks telah dibangunkan antara dua hingga tiga tahun sekali untuk tujuan memantau dan menilai prestasi kesejahteraan hidup belia. Bermula pada tahun 2015, Kementerian Belia dan Sukan membangunkan IBM ini dalam jangka masa empat tahun sekali agar impak pelaksanaan program atau polisi yang dilaksanakan dapat dipantau secara efisien dan berkala.

Malaysia merupakan antara negara Komanwel terawal yang membentuk indeks belia bagi menjadi kayu pengukur tahap pembangunan pelbagai aspek kehidupan dan perkembangan diri belia.

Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) telah dibangunkan dengan beberapa penambahbaikan terutamanya penambahbaikan dari segi kekuatan pengukuran domain IBM. Indikator dan domain disesuaikan dan ditambah berdasarkan keadaan semasa dan juga perkembangan teknologi yang berlaku dengan pesat.

Sebanyak 12 domain yang mengandungi 58 indikator telah dibangunkan bagi mengukur tahap kesejahteraan generasi belia Malaysia. Selain itu, IBM'15 telah menumpukan kepada golongan belia yang berumur 15 hingga 30 tahun selari dengan Dasar Belia Malaysia yang digubal. Justeru itu, perbandingan dengan tahun-tahun sebelum ini tidak dilakukan kerana perubahan yang signifikan terhadap domain dan indikator yang terlibat. Kajian ini telah dilaksanakan melibatkan 6,098 orang responden di seluruh Malaysia dengan menggunakan kaedah tinjauan/survei menggunakan borang soal selidik.



KRONOLOGI

IBM kali pertama telah dibangunkan pada tahun 2006 yang merupakan IBM bagi tahun asas. Bagi mengukur tahap kesejahteraan hidup belia sebanyak 8 domain yang mengandungi 36 indikator telah dibangunkan.

IBM'08, telah mengekalkan domain sedia ada (8 domain) dan menambah 11 indikator menjadikan indikator IBM tahun 2008 sebanyak 47 indikator.

IBM'11 penyesuaian domain dan indikator telah dilaksanakan iaitu mengikut keperluan dan tuntutan semasa yang menjadikan 9 domain dan 62 indikator.

IBM'15 beberapa penambahbaikan telah dilakukan bagi memantapkan lagi IBM. Sebanyak 12 domain dan 58 indikator telah dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan hidup belia.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Berikut merupakan domain-domain dan indikator-indikator yang telah dibangunkan manakala definisi penuh pada setiap domain adalah seperti di dalam Laporan Kajian.

RAJAH 1: 12 DOMAIN INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 (IBM'15)



RINGKASAN EKSEKUTIF



- Penghargaan Kendiri
- Efikasi Kendiri
- Motivasi Pencapaian
- Asertif
- Daya Tahan
- Keagamaan
- Kecerdasan Emosi



- Hubungan Dengan Ibu Bapa / Keluarga
- Hubungan Dengan Masyarakat
- Hubungan Dengan Rakan



- Daya Saing
- Kesukarelaan
- Patriotisme
- Perpaduan
- Integriti



- Kepimpinan
- Sensitiviti
- Berdaya Upaya
- Keusahawanan
- Kreatif



- Tiada Tekanan
- Tiada Kebimbangan
- Tiada Kemurungan
- Tiada Kecenderungan Bunuh Diri
- Persepsi Terhadap Berat Badan
- Bebas Merokok
- Gaya Pemakanan Seimbang



- Pencapaian Pendidikan
- Kurikulum
- Ko-Kurikulum

RINGKASAN EKSEKUTIF



DOMAIN KESEJAHTERAAN EKONOMI

- Jaminan Kewangan
- Bebas Hutang
- Literasi Kewangan
- Kebolehpekerjaan
- Penggajian



DOMAIN KESELAMATAN

- Keselamatan Diri dan Persekitaran
- Keselamatan Ketika Menggunakan Internet



DOMAIN SOSIALISASI POLITIK

- Penglibatan dalam aktiviti politik
- Mengikuti Perkembangan Aktiviti Politik
- Perbincangan Isu Berkaitan Politik



DOMAIN PENGGUNAAN MEDIA

- Penggunaan Media



DOMAIN WAKTU SENGANG

- Penglibatan Dalam Sukan
- Penggunaan Masa Senggang




DOMAIN BEBAS TINGKAH LAKU DEVIAN

- Tidak Melakukan Penderaan/keganasan rumah tangga
- Tidak membawa senjata
- Tidak memeras ugut
- Tidak mencuri hak milik orang lain
- Tidak terlibat dalam gangsterism
- Tidak merosakkan harta benda/vandalisme
- Tidak mengambil dadah
- Tidak mengedara dadah
- Tidak mabuk sehingga mengganggu ketenteraman awam
- Tidak mengadakan hubungan seks luar nikah/sebelum berkahwin
- Tidak mengadakan hubungan seks sesama jantina
- Tidak berjudi hingga berhutang
- Tidak terlibat dengan jenayah siber (mengodam, cetak rompak, dll)
- Tidak mencederakan orang lain
- Tidak terlibat dengan lumba haram (Merempit)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memperolehi nilai skor IBM'15, purata skor bagi semua domain dikira. Skor Indeks Belia Malaysia dibangunkan dengan menggunakan skor "100" sebagai asas pengiraan skor maksimum manakala "0" adalah nilai skor minimum. Ini bermakna, lebih tinggi skor IBM maka lebih baik kesejahteraan hidup golongan belia di Malaysia dan begitulah sebaliknya.

Untuk memudahkan pemahaman tentang prestasi belia bagi setiap domain, skala di bawah digunakan. Skala ini menggambarkan bahawa, sekiranya nilai skor yang diperolehi antara 80 hingga 100, maka skala yang diberikan adalah 'Sangat Memuaskan'. Bagi nilai skor 75 hingga 79, skala yang diberikan adalah 'Memuaskan', diikuti 60 hingga 74 'Sederhana', 50 hingga 59 'Kurang Memuaskan', 40 hingga 49 'Tidak Memuaskan' dan nilai skor 0 hingga 39, maka skala yang diberikan adalah 'Sangat Tidak Memuaskan'.



Skor keseluruhan IBM'15 berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor sebanyak 70.22. Seperti mana Jadual 1, terdapat dua domain yang berada pada tahap Sangat Memuaskan iaitu skor bagi Bebas Tingkah laku Devian (skor 89.45) dan Waktu Senggang (skor 81.02). Nilai skor bagi domain Bebas Tingkah Laku Devian menggambarkan bahawa Tingkah Laku Devian dalam kalangan belia Malaysia berada dalam keadaan terkawal. Secara keseluruhannya majoriti belia Malaysia mempunyai kesedaran yang jelas tentang tingkah laku yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat dan berupaya mengawal diri mereka daripada terjerumus dengan Tingkah Laku Devian. Walau bagaimanapun, skor ini perlu ditingkatkan lagi agar isu-isu yang melibatkan Tingkah Laku Devian dalam kalangan belia dapat diminimumkan.

JADUAL 1: SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA 2015

Domain	Nilai Skor	Skala/Tahap
Domain Bebas Tingkah Laku Devian	89.45	■■■■■
Domain Waktu Senggang	81.02	■■■■■
Domain Hubungan Sosial	78.18	■■■■■
Domain Penggunaan Media	73.59	■■■■■
Domain Pembangunan Kendiri	72.60	■■■■■
Domain Pendidikan	71.22	■■■■■
Domain Keselamatan	70.82	■■■■■
Domain Identiti	69.14	■■■■■
Domain Kesihatan	68.42	■■■■■
Domain Potensi Diri	68.13	■■■■■
Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26	■■■■
Domain Sosialisasi Politik	45.82	■■■
Keseluruhan Skor IBM'15	70.22	■■■■■

RINGKASAN EKSEKUTIF



Begitu juga dengan nilai skor domain Waktu Senggang yang diperolehi. Pencapaian skor ini terletak dalam kategori Sangat Memuaskan yang membawa maksud bahawa belia Malaysia sangat aktif terlibat dalam aktiviti sukan dan juga pelbagai aktiviti seperti blogging, melayari laman sosial, membeli belah, melakukan aktiviti hobi, berekreasi dan sebagainya. Walau bagaimanapun pemantauan harus dilakukan bagi memastikan beberapa aktiviti waktu senggang seperti *blogging* dan membeli belah menjadi aktiviti yang memberi manfaat sama ada kepada individu mahupun masyarakat secara keseluruhannya.

Terdapat satu domain yang berada pada tahap Memuaskan iaitu domain Hubungan Sosial (skor 78.18). Skor yang diperolehi menunjukkan masih kurangnya pergaulan antara belia dengan masyarakat atau jiran tertangga menyebabkan hubungan belia dan masyarakat menjadi renggang. Selain itu, walaupun hasil kajian mendapati belia amat rapat dengan ibubapa serta ahli keluarga mereka, namun nilai skornya perlu dipertingkatkan. Hasil penemuan ini mungkin berkait rapat dengan peningkatan peluang

komunikasi seperti melalui jaringan media sosial yang membataskan komunikasi yang berkualiti bersama keluarga, rakan dan masyarakat.

Manakala sebanyak tujuh domain berada pada tahap Sederhana iaitu domain Penggunaan Media (skor 73.59), Pembangunan Kendiri (skor 72.60), Pendidikan (skor 71.22), Keselamatan (skor 70.82), Identiti (skor 69.14), Kesihatan (skor 68.42), dan Potensi Diri (skor 68.13).

Bagi domain Penggunaan Media, pencapaian skor ini berada dalam kategori Sederhana yang memberikan gambaran bahawa, belia Malaysia melibatkan diri secara sederhana dalam menggunakan media dan tidak menjurus kepada ketagihan kecuali penggunaan telefon bimbit lebih tinggi secara relatif. Memandangkan akses kepada media ini merupakan satu tuntutan keperluan masa kini khususnya dalam kalangan belia, hasil dapatan domain Penggunaan Media ini memberi kesedaran tentang kepentingan untuk mewujudkan satu garis panduan yang berupaya untuk memandu belia Malaysia dalam menggunakan media secara sihat dan beretika.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Begini juga dengan domain Pembangunan Kendiri, ke semua indikator yang terkandung dalam domain Pembangunan Kendiri ini merupakan elemen terpenting yang melengkapi pembangunan personaliti unggul golongan belia. Justeru, indikator-indikator yang merupakan aset penting bagi pembangunan diri individu ini sewajarnya dibangunkan secara kolektif agar berada pada tahap Sangat Memuaskan. Tahap Pendidikan generasi belia juga masih di tahap Sederhana yang menggambarkan perlunya usaha-usaha meningkatkan lagi taraf pendidikan di negara ini. Pencapaian Pendidikan atau '*educational attainment*' merupakan indikator penting bagi mengukur kesejahteraan individu kerana ianya seringkali dikaitkan dengan kebolehpekerjaan dan juga upah atau gaji diperolehi.

Domain Keselamatan secara keseluruhan berada pada tahap Sederhana. Ini menggambarkan perlunya usaha yang dilakukan oleh pihak penguatkuasa bagi menyediakan program yang bersesuaian kepada belia Malaysia agar aspek keselamatan dapat dipertingkatkan lagi terutama dari segi kempen kesedaran dan amalan keselamatan di kawasan komuniti setempat.

SKOR KESELURUHAN KESIHATAN GENERASI BELIA MALAYSIA JUGA BERADA PADA TAHP SEDERHANA. DARIPADA TUJUH (7) INDIKATOR DALAM DOMAIN INI, INDIKATOR AMALAN PEMAKANAN MEMPUNYAI NILAI SKOR YANG TERENDAH IAITU 43.52 YANG BERADA PADA TAHP TIDAK MEMUASKAN.

Bagi Domain Identiti, domain ini secara umumnya mencerminkan sejauhmana belia Malaysia mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia. Lima indikator telah digunakan untuk mengukur indeks domain Identiti iaitu Daya Saing, Kesukarelaan, Patriotisme, Semangat Perpaduan dan Integriti. Dapatkan ini menunjukkan terdapatnya keperluan untuk mengemaskini dan membuat penambahbaikan program-program bagi aspek daya saing, kesukarelaan dan patriotisme belia.

Skor keseluruhan kesihatan generasi belia Malaysia juga berada pada tahap Sederhana. Daripada tujuh (7) indikator dalam domain ini, indikator amalan pemakanan mempunyai nilai skor yang terendah iaitu 43.52 yang berada pada tahap tidak memuaskan. Ini menggambarkan bahawa generasi belia kurang memberi penekanan terhadap corak pemakanan yang berkhasiat mengikut piramid makanan yang disarankan oleh pakar kesihatan serta mengamalkan pengambilan makanan segera (*fast food*). Justeru amat penting untuk memastikan tahap kesihatan belia ini dipertingkatkan memandangkan tanpa kesihatan yang kurang baik, kesejahteraan yang holistik sukar untuk dicapai. Kepentingan domain ini serta sensitiviti belia kini yang semakin cakna akan isu kesihatan memberi gambaran bahawa usaha-usaha peningkatan taraf hidup ini perlu difokuskan dan diperbaiki oleh pelbagai pihak.

Potensi belia juga masih berada di tahap Sederhana dan ianya perlu digilap bagi memperkuuhkan dan menyerlahkan potensi golongan belia menerusi ekosistem yang lebih kondusif. Di bawah Potensi Diri dua (2) indikator utama iaitu Kepimpinan dan Keusahawanan perlu diperkemaskan. Belia memerlukan bimbingan khususnya dari aspek kepimpinan agar transisi perubahan umur kepimpinan belia berdasarkan Dasar Belia Malaysia yang berumur 15 hingga 30 tahun daripada umur kepimpinan asal 15 hingga 40 tahun berjalan dengan lancar menjelang tahun 2018. Begitu juga ciri-ciri keusahawanan

RINGKASAN EKSEKUTIF

TERDAPAT DUA DOMAIN YANG PERLU DIBERIKAN PERHATIAN YANG LEBIH KHUSUS IAITU KESEJAHTERAAN EKONOMI (SKOR 54.26) BERADA PADA TAHAP KURANG MEMUASKAN DAN DOMAIN SOSIALISASI POLITIK (SKOR 45.82) BERADA PADA TAHAP TIDAK MEMUASKAN.


perlu dipertingkatkan bagi melahirkan belia yang mampu bersaing dan kurang kebergantungan kepada pihak kerajaan.


Terdapat dua domain yang perlu diberikan perhatian yang lebih khusus iaitu Kesejahteraan Ekonomi (skor 54.26) berada pada tahap Kurang Memuaskan dan domain Sosialisasi Politik (skor 45.82) berada pada tahap Tidak Memuaskan. Tahap kesejahteraan ekonomi yang rendah akan membawa kepada pelbagai masalah seperti ketidakseimbangan dalam taraf kehidupan, mengundang faktor-faktor masalah sosial dan kurangnya keharmonian khususnya dalam keluarga dan masyarakat. Manakala bagi isu

Sosialisasi Politik pula, belia masih kurang terlibat dengan aktiviti-aktiviti dan kurang ambil kisah tentang isu-isu politik semasa. Kedua-dua domain ini memerlukan satu diagnosis yang terperinci bagi mengenalpasti faktor-faktor penyebab dan juga kaedah penyelesaian yang boleh diambil.

Secara keseluruhannya, hasil daripada IBM'15 menunjukkan masih terdapat banyak penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi nilai skor indeks ini pada masa akan datang. Berdasarkan 12 domain dan 58 indikator yang telah dibangunkan, terdapat keperluan untuk melakukan lonjakan serta inovasi ke atas kumpulan belia yang mempunyai skor domain dan indikator yang berada pada tahap memuaskan agar mereka lebih dinamik dan kompetitif.

Selain itu, bagi domain dan indikator yang berada pada tahap Sederhana memerlukan pelaksanaan program intervensi dengan kerjasama kerajaan, pihak swasta, komuniti, pemimpin masyarakat dan pemegang taruh belia bagi memastikan setiap usaha pembangunan belia ini dibuat secara bersepadu agar memberi impak yang maksimum. Manakala kepada keputusan skor kurang baik atau ditahap rendah perlu menjalankan diagnosis yang lebih terperinci serta perbincangan dalam kumpulan fokus agar mereka lebih terarah untuk mencapai tahap sangat memuaskan dalam kesejahteraan hidup belia.





LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG



SENARIO BELIA MALAYSIA

PADA TAHUN 2015, JUMLAH BELIA DI MALAYSIA SERAMAI 13.88 JUTA YANG MEWAKILI 45.8% DARIPADA 30.26 JUTA PENDUDUK MALAYSIA. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT SERAMAI 7.26 JUTA (52%) MERUPAKAN BELIA LELAKI DAN 6.62 JUTA (48%) BELIA WANITA (JABATAN PERANGKAAN, MALAYSIA 2015). DENGAN PERATUSAN JUMLAH BELIA YANG TINGGIINI BERMAKNA BELIA MERUPAKAN ASET UTAMA DALAM MENENTUKAN ARAH TUJU DAN KEJAYAAN NEGARA MENJELANG TAHUN 2020.

Selaras dengan kepesatan globalisasi, terdapat perubahan nilai dan budaya yang dicerminkan oleh golongan belia yang mana mempengaruhi gaya hidup sehari-hari mereka. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Taylor Nelson Sofres Malaysia dengan kerjasama Yayasan Belia Asia (2012), yang mendapati terdapat perubahan dalam gaya berfikir dan cara bersosial para belia di Malaysia yang meliputi pandangan mengenai identiti diri, nilai kekeluargaan, perpaduan, kesihatan, penglibatan dalam aktiviti fizikal, keagamaan dan perkongsian maklumat dalam kalangan mereka.

Secara umumnya gaya pemikiran dan gaya hidup generasi belia pada masa kini banyak dipengaruhi oleh transformasi sosial yang berlaku. Isu dan cabaran yang dihadapi golongan belia hari ini adalah manifestasi persekitaran yang terbentuk selari dengan kemajuan ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Oleh itu, pendekatan dan pengisian pembangunan belia memerlukan kelainan agar seiring dengan perubahan persekitaran semasa dan selaras dengan pelaksanaan transformasi Negara. Ini bagi menjamin cabaran yang bakal dihadapi oleh golongan belia Malaysia dapat dihadapi dengan lebih berkesan.

LATAR BELAKANG


CABARAN BELIA MASA KINI

Dalam persekitaran global yang semakin kompetitif, Belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa kini yang dijangka akan memberikan cabaran berganda buat golongan belia pada masa hadapan sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Oleh itu, Dasar Belia Malaysia (DBM, 2015) telah mengenalpasti cabaran utama yang dihadapi golongan belia. Ini bertujuan memastikan polisi yang digubal bersetujuan dengan kehendak dan tuntutan masa kini dan masa hadapan. Berikut merupakan cabaran yang telah dikenalpasti dalam DBM.

RAJAH 2: CABARAN BELIA MALAYSIA



Menyedari bahawa cabaran yang dihadapi oleh belia adalah pelbagai dan sentiasa berubah, maka penilaian berterusan terhadap tahap kesejahteraan belia Malaysia adalah penting. Ianya bagi membolehkan polisi intervensi dilaksanakan oleh pihak yang berkaitan. Sehubungan itu pihak IYRES dengan kerjasama pakar rujuk daripada Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah membangunkan Indeks Belia Malaysia bermula pada tahun 2006.



PENGENALAN

PENGENALAN

INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 (IBM'15)

IBM MERUPAKAN SATU PETUNJUK KEPADA KESEJAHTERAAN HIDUP GENERASI BELIA DI MALAYSIA. TUJUAN UTAMA IBM DIBANGUNKAN UNTUK MEMBANTU PEMEGANG TARUH YANG BERKAITAN DENGAN PEMBANGUNAN BELIA AGAR LEBIH SENSITIF DENGAN PERUBAHAN DALAM INDIKATOR YANG DIUKUR. DI SAMPING ITU MEREKA JUGA DAPAT MENILAI SEMULA KEBERKESANAN PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN DAN JUGA MENAMBAHBAIK PROGRAM YANG AKAN DATANG.

IBM yang pertama telah dibangunkan pada tahun 2006 yang mengandungi 8 domain dan 44 indikator. Pada tahun 2008, sebanyak 3 indikator lagi telah ditambah menjadikan jumlah keseluruhan indikator kepada 47. Manakala pada tahun 2011, satu domain tambahan dan 16 indikator baharu telah dimasukkan. Untuk tahun 2015, beberapa penambahbaikan telah dilakukan bagi memantapkan lagi IBM. Justeru itu, perbandingan tidak dapat dilakukan kerana perubahan yang signifikan terhadap domain dan indikator-indikator yang terlibat. Bagi tahun ini, indikator dan domain disesuaikan dan ditambah berdasarkan keadaan semasa dan juga perkembangan teknologi yang berlaku dengan pesat, ini bagi menambah kekuatan pengukuran domain tersebut.

Selain itu, pembentukan IBM juga memberikan panduan kepada semua pemegang taruh termasuk pekerja/jabatan untuk mengenal pasti bidang tumpuan yang memerlukan penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia secara menyeluruh. Transformasi pembangunan belia yang lebih berfokus perlu diwujudkan supaya potensi generasi belia dapat dibimbing dan disokong agar jatidiri belia dapat diserahkan sepatutnya termaktub dalam Dasar Pembangunan Belia Negara.

Adalah diharapkan dengan membangunkan generasi belia secara positif dan proaktif, fokus penambahbaikan lebih diberikan kepada keberkesanannya pelaburan oleh pemegang taruh dan perlaksanaan program yang disasarkan kepada generasi belia.



PENGENALAN

RAJAH 3: KEPENTINGAN INDEKS BELIA MALAYSIA



KEPENTINGAN INDEKS BELIA MALAYSIA

Sebagai penanda aras mengukur tahap kesejahteraan hidup belia

Menyediakan input bagi pembentukan atau menggubal polisi dan dasar

Memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup belia Malaysia

Sebagai indikator bagi mengukur pencapaian Dasar Belia Malaysia (DBM)



PEMBANGUNAN INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 (IBM™'15)

METODOLOGI DAN REKA BENTUK KAJIAN

INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 (IBM'15) DIBANGUNKAN DENGAN MELIBATKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT ANTARANYA:

REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan/survei menggunakan borang soal selidik. Bagi penganalisaan data, kaedah kuantitatif telah digunakan bagi tujuan tersebut.

POPULASI KAJIAN

Belia yang terlibat dalam kajian IBM bermula 2006 sehingga 2011 iaitu terdiri daripada mereka yang berumur dari 15 hingga 40 tahun, walau bagaimanapun bagi IBM'15 umur belia yang terlibat adalah berdasarkan Dasar Belia Malaysia 2015 iaitu belia yang berumur antara 15-30 tahun. Pada tahun 2015, belia warganegara Malaysia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun berjumlah seramai 8.097 juta (Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia 2015).

PEMILIHAN SAMPEL

Kaedah pemilihan sampel adalah menggunakan Blok Penghitungan (BP) Banci 2010. Dalam setiap BP, terdapat sejumlah 80 – 120 Tempat Kediaman (TK) dengan anggaran 600 residen. Sebanyak 16 TK dipilih dan persampelan berstrata digunakan, iaitu mengikut pembahagian negeri, daerah dan kawasan. Ini bagi memastikan populasi sasaran mendapat peluang yang sama untuk dipilih. Khidmat nasihat Jabatan Perangkaan Malaysia turut diambilkira untuk memastikan sampel yang terlibat adalah menggambarkan persampelan nasional.

INSTRUMEN KAJIAN

Input kepada reka bentuk borang soal selidik diperkuuhkan melalui perbincangan kumpulan berfokus melibatkan belia daripada pelbagai latar belakang. Selain itu, kajian rintis berinteraktif dijalankan untuk memastikan penggunaan perkataan dan pernyataan bagi setiap item adalah jelas maksudnya dan relevan kepada responden. Pembentukan borang soalselidik ini juga dibantu oleh beberapa agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Penjara, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemimpin belia.

PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data dijalankan oleh enumerator terlatih yang mewakili 13 buah negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan di Malaysia. Manual bertulis merangkumi semua maklumat yang diperlukan telah disediakan beserta dengan peta BP. Rakaman klip video simulasi sesi pengendalian temuduga bersemuka turut dibekalkan.



Metodologi dan Reka Bentuk Kajian

RAJAH 4: RINGKASAN METODOLOGI DAN REKA BENTUK KAJIAN IBM'15



DOMAIN KESEJAHTERAAN INDEKS BELIA MALAYSIA 2015

INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 MENGANDUNG 12 DOMAIN DAN 58 INDIKATOR YANG MENJADI ASAS UNTUK MENGUKUR KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA. DOMAIN-DOMAIN INI TELAH DIBANGUNKAN BERDASARKAN KEPERLUAN DAN KEADAAN SEMASA YANG MELIPUTI SEMUA ASPEK KESEJAHTERAAN HIDUP. BERIKUT MERUPAKAN DOMAIN DAN INDIKATOR-INDIKATOR YANG TELAH DIBANGUNKAN.



Domain Kesejahteraan Indeks Belia Malaysia 2015



PEMBANGUNAN KENDIRI

PEMBANGUNAN KENDIRI MERUJUK KEPADA CIRI PSIKOLOGI DALAM DIRI SESEORANG YANG BOLEH DIBANGUNKAN SECARA OPTIMA KE ARAH MENCAPAI SAHSIAH UNGGUL DAN JATI DIRI YANG MANTAP. DOMAININI MENGANDUNG TUJUH (7) INDIKATOR IAITU:

PENGHARGAAN KENDIRI

Darjah penghargaan dan pengiktirafan individu terhadap dirinya sendiri/ harga diri.

EFIKASI KENDIRI

Kepercayaan individu terhadap kebolehan dan keupayaan untuk menyempurnakan sesuatu tugas dengan baik.

MOTIVASI PENCAPAIAN

Faktor dorongan dalam diri seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat.

ASERTIF

Darjah ketegasan diri seseorang terhadap sesuatu perkara.

DAYA TAHAN

Kemampuan seseorang untuk terus komited dalam melaksanakan sesuatu walaupun menempuh pelbagai cabaran atau halangan.

KEAGAMAAN

Kepercayaan dan manifestasi kepercayaan kepada Tuhan, atau sesuatu kuasa yang ghaib dan sakti yang berupaya bertindak sebagai petunjuk, pembentukan moral dan melahirkan nilai positif.

KECERDASAN EMOSI

Keupayaan seseorang untuk mengenal pasti, mengelola serta menguruskan emosi diri dan orang lain dalam pelbagai persekitaran.



HUBUNGAN SOSIAL

HUBUNGAN SOSIAL MERUPAKAN INTERAKSI ANTARA SESEORANG INDIVIDU DENGAN INDIVIDU YANG LAIN. TERDAPAT TIGA (3) INDIKATOR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOMAININI IAITU:

HUBUNGAN DENGAN IBU BAPA/ KELUARGA

Kaedah berinteraksi dan berkomunikasi dengan ibu bapa serta ahli keluarga.

HUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT

Kaedah berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat.

HUBUNGAN DENGAN RAKAN

Kaedah berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan

Domain Kesejahteraan Indeks Belia Malaysia 2015



IDENTITI MERUPAKAN SEMANGAT, SIRI KEPERCAYAAN, PEGANGAN, NILAI DIRI, KEFAHAMAN YANG BOLEH BERUPA PEMIKIRAN DAN TINDAKAN SESEORANG INDIVIDU. DOMAININI MENGANDUNG LIMA (5) INDIKATOR IAITU:

DAYA SAING

Kemampuan untuk bersaing dengan orang lain.

KESUKARELAAN

Keinginan dan kesanggupan melakukan sesuatu tugas tanpa mengharapkan sebarang balasan.

PATRIOTISME

Perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air.

SEMANGAT PERPADUAN

Sepakat dan bersatu padu dalam kepelbagaian bangsa

INTEGRITI

Integriti merangkumi nilai keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, beretika, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, menepati janji.



KEKUATAN DAN KEMAMPUAN DALAM DIRI INDIVIDU YANG BOLEH DISERLAHKAN. DOMAININI MENGANDUNG LIMA (5) INDIKATOR:

KEPIMPINAN

Keupayaan untuk memimpin, bijak membuat keputusan dan mengendalikan situasi yang sukar.

SENSITIVITI/KEPRIHATINAN

Keprihatinan terhadap nilai dan budaya masyarakat serta penjagaan alam sekitar.

BERDAYA UPAYA

Mempunyai kebolehan dan keupayaan dalam mendorong seseorang untuk sesuatu yang lebih baik

KEUSAHAWANAN

Kreatif dan inovatif dalam mencari peluang dan ruang untuk memaksimumkan sumber.

KREATIF

Kemampuan, kebolehan atau keupayaan untuk mencetuskan idea serta menghasil sesuatu yang baru dan asli.

Domain Kesejahteraan Indeks Belia Malaysia 2015



BEBAS ATAU TIDAK MENGALAMI PENYAKIT YANG DIKAITKAN DENGAN GAYA HIDUP DAN PEMAKANAN SERTA ASPEK KESIHATAN MENTAL DAN FIZIKAL. DOMAININI MENGANDUNGITUJUH (7) INDIKATOR IAITU:

TIADA TEKANAN

Keupayaan menangani ketegangan

TIADA KEBIMBANGAN

Tiada perasaan bimbang terhadap sesuatu perkara

TIADA KEMURUNGAN

Keupayaan mengatasi perasaan murung disebabkan sesuatu perkara

TIADA KECENDERUNGAN BUNUH DIRI

Tiada keinginan untuk menamatkan hayat

PERSEPSI TERHADAP BERAT BADAN

Pandangan individu terhadap berat badan diri sendiri

BEBAS MEROKOK

Tidak merokok

AMALAN PEMAKANAN

Cara amalan pemakanan individu



PENDIDIKAN

PENCAPAIAN AKADEMIK TERTINGGI SESEORANG, PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI KO-KURIKULUM DAN PENGUASAAN DALAM MEMBACA, MENULIS DAN MENGIRA. TERDAPAT TIGA (3) INDIKATOR YANG MENGUKUR DOMAININI:

PENCAPAIAN PENDIDIKAN

Tahap pencapaian akademik tertinggi individu

KO-KURIKULUM

Penglibatan dalam aktiviti persatuan dan sukan semasa di institusi pendidikan.

KURIKULUM

Penguasaan dan kemahiran dalam membaca, menulis dan mengira.

Domain Kesejahteraan Indeks Belia Malaysia 2015



TAHAP EKONOMI SESEORANG YANG MENGGAMBARKAN SEJAUHMANA KEDUDUKAN KEWANGANNYA. TERDAPAT LIMA (5) INDIKATOR YANG MENGUKUR KESEJAHTERAAN EKONOMI IAITU:

JAMINAN KEWANGAN

Keadaan di mana seseorang itu mempunyai perancangan kewangan yang teliti iaitu simpanan atau pelaburan yang membolehkan beliau melalui umur persaraan tanpa perasaan risau.

BEBAS HUTANG

Kebolehan untuk mengekalkan gaya hidup yang selesa dan pada masa yang sama mempunyai simpanan masa depan serta mengelak daripada bebanan hutang.

LITERASI KEWANGAN

Kebolehan menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan sumber kewangan secara berkesan bagi mencapai kesejahteraan kewangan.

KEBOLEHPEKERJAAN

Keupayaan untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan.

PENGGAJIAN

Pendapatan yang diperolehi oleh seseorang daripada majikan yang merupakan ganjaran ke atas perkhidmatan yang diberikannya.



KESELAMATAN

KESELAMATAN MERUJUK KEPADA PERASAAN SELAMAT KETIKA BERSAMA AHLI KELUARGA, JIRAN DAN KOMUNITI SEKITAR. IA JUGA MERUJUK KEPADA KESELAMATAN KETIKA MENGGUNAKAN INTERNET. TERDAPAT DUA (2) INDIKATOR YANG DIUKUR IAITU:

KESELAMATAN DIRI DAN PERSEKITARAN

Berasa aman dan bebas daripada rasa takut.

KESELAMATAN KETIKA MENGGUNAKAN INTERNET

Rasa selamat ketika menggunakan teknologi digital termasuk transaksi kewangan.

Domain Kesejahteraan
Indeks Belia Malaysia 2015



SOSIALISASI POLITIK

KETERLIBATAN DALAM AKTIVITI POLITIK YANG MERANGKUM TIGA (3) INDIKATOR BERIKUT:

PENYERTAAN DALAM AKTIVITI POLITIK

Menceburি aktiviti yang berkaitan politik termasuk mengundi, menghadiri ceramah politik dan aktif dalam parti politik.

MENGIKUTI PERKEMBANGAN AKTIVITI POLITIK

Sentiasa mendapatkan maklumat terkini mengenai politik.

PERBINCANGAN ISU BERKAITAN POLITIK

Perbincangan mengenai isu politik bersama rakan, keluarga, rakan siber, guru dan komuniti.



PENGGUNAAN MEDIA

KEKERAPAN PENGGUNAAN MEDIA SEPERTI MENONTON TV, MENDENGAR RADIO, MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT, KOMPUTER, MELAYARI INTERNET DAN MEMBACA SURAT KHABAR, MAJALAH ATAU BUKU (KECUALI BUKU TEKS SEKOLAH).



**KEGIATAN INDIVIDU PADA MASA LAPANG.
DOMAININI MENGANDUNG DUA (2)
INDIKATOR IAITU:**

PENGGUNAAN AKTIVITI SUKAN

Kekerapan melakukan aktiviti sukan

PENGGUNAAN MASA SENGGANG

Kekerapan melakukan aktiviti selain daripada bersukan.




TINGKAH LAKU DEVIAN DIDEFINISIKAN SEBAGAI PERLAKUAN YANG MENYIMPANG ATAU MELENCONG DARIPADA NORMA-NORMA MASYARAKAT TERTENTU. DALAM KAJIAN INI, BEBAS TINGKAH LAKU BERMAKSUD BELIA YANG TIDAK TERLIBAT DALAM AKTIVITI YANG MELANGGARI NORMA-NORMA MASYARAKAT. TERDAPAT 15 INDIKATOR DALAM DOMAININI IAITU YANG MELIPUTI MINUM ARAK, MENGAMBIL DADAH, MENGEDAR DADAH, BERJUDI, MEMBACA BAHAN LUCAH, MELAKUKAN SEKS SEBELUM BERKAHWIN, MELAKUKAN SEKS SESAMA JANTINA, MEROSAKKAN HARTA BENDA AWAM, TERLIBAT DI DALAM AKTIVITI LUMBA HARAM, PENDERNAAN, MEMBAWA SENJATA, PERAS UGUT, MENCURI, MENCEDERAKAN ORANG LAIN DAN GANGSTERISME.

Domain Kesejahteraan Indeks Belia Malaysia 2015

JADUAL 2: DOMAIN YANG TERKANDUNG DI DALAM INDEKS BELIA MALAYSIA MENGIKUT TAHUN.

2006	2008	2011	2015
(8 Domain)	(8 Domain)	(9 Domain)	(12 Domain)
Pembangunan Kendiri	Pembangunan Kendiri	Pembangunan Kendiri	Pembangunan Kendiri
Hubungan Sosial	Hubungan Sosial	Hubungan Sosial	Hubungan Sosial
Identiti	Identiti	Identiti	Identiti
Kesihatan	Kesihatan	Kesihatan	Kesihatan
Potensi Diri	Potensi Diri	Potensi Diri	Potensi Diri
Ketembusan Media	Ketembusan Media	Ketembusan Media	Penggunaan Media
Waktu Senggang	Waktu Senggang	Waktu Senggang	Waktu Senggang
Tingkah laku Devian	Tingkah laku Devian	Kesejahteraan Ekonomi	Bebas Tingkah laku Devian



KAEDAH PEMBENTUKAN SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA 2015

SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA DIBANGUNKAN DENGAN MENGGUNAKAN SKOR 100 SEBAGAI ASAS PENGIRAAN SKOR MAKSIMUM. LEBIH TINGGI SKOR IBM'15 MAKA LEBIH BAIK KESEJAHTERAAN HIDUP GOLONGAN BELIA DI MALAYSIA MANAKALA SEKIRANYA LEBIH RENDAH SKOR IBM'15 MENUNJUKKAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN HIDUP YANG SEMAKIN KURANG BAIK. UNTUK MENDAPATKAN SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA, PURATA SKOR BAGI SEMUA DOMAIN DI KIRA. BERIKUT ADALAH FORMULA BAGI PENGIRAAN SKOR IBM'15:

$$\text{Skor Indikator : } \bar{X}_{indikator} = \frac{\sum_{k=1}^n \left[\frac{M_k - M_k^s}{R} \right]}{n_{item}} \times 100$$

$$k = 1, 2, \dots, n_{item}$$

$$\text{Skor Domain : } \bar{X}_{domain} = \frac{\sum_{i=1}^{n_{item}} \bar{X}_{indikator,i}}{n_{indikator}}$$

$$i = 1, 2, \dots, n_{indikator}$$


$$\text{Skor Indeks : } \bar{X}_{Indeks} = \frac{\sum_{d=1}^{n_{domain}} \bar{X}_{domain,d}}{n_{domain}}$$


$$d = 1, 2, \dots, n_{domain}$$

Dimana:-

- M_k = Min skor
- M_k^s = nilai minimum skala
- R = nilai maksimum skala – nilai minimum skala
- n = bilangan

Bagi memudahkan pemahaman tentang prestasi belia bagi setiap domain, skala di bawah digunakan.





SKOR KESELURUHAN IBM'15

SKOR KESELURUHAN INDEKS BELIA MALAYSIA 2015

INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 (IBM'15) SECARA KESELURUHANNYA BERADA PADASKALA SEDERHANA. SKOR INI DIKIRA BERDASARKAN PURATA DARIPADA JUMLAH SKOR 12 DOMAIN IBM'15. SEPERTI MANA JADUAL 3, SKOR YANG BERADA TAHAP SANGAT MEMUASKAN ADALAH SKOR BAGI BEBAS TINGKAH LAKU DEVIAN (SKOR 89.45) DAN WAKTU SENGGANG (SKOR 81.02).

Satu domain yang berada pada tahap Memuaskan iaitu domain Hubungan Sosial (skor 78.18). Manakala sebanyak tujuh domain berada pada tahap Sederhana iaitu domain Penggunaan Media (skor 73.59), Pembangunan Kendiri (skor 72.60), Pendidikan (skor 71.22), Keselamatan (skor 70.82), Identiti (skor 69.14), Kesihatan (skor 68.42) dan Potensi Diri (skor 68.13).

Manakala dua lagi domain iaitu domain Kesejahteraan Ekonomi (skor 54.26) berada pada tahap Kurang Memuaskan dan domain Sosialisasi Politik (skor 45.82) berada pada tahap Tidak Memuaskan.




Skor Keseluruhan Indeks Belia Malaysia 2015

JADUAL 3: INDEKS BELIA MALAYSIA 2015

Domain/Indikator	Nilai Skor	Tahap
Domain Bebas Tingkah laku Devian	89.45	██████████
Domain Waktu Senggang	81.02	██████████
Domain Hubungan Sosial	78.18	██████████
Domain Penggunaan Media	73.59	████████
Domain Pembangunan Kendiri	72.60	████████
Domain Pendidikan	71.22	████████
Domain Keselamatan	70.82	████████
Domain Identiti	69.14	████████
Domain Kesihatan	68.42	████████
Domain Potensi Diri	68.13	████████
Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26	██████
Domain Sosialisasi Politik	45.82	███
Keseluruhan Skor IBM'15	70.22	████████

GRAF 1: SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA 2015



Skor Keseluruhan Indeks Belia Malaysia 2015

JADUAL 4: SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 MENGIKUT DOMAIN DAN INDIKATOR

Bil	Domain/Indikator keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15	
		Nilai Skor	Tahap
	Keseluruhan Skor IBM'15	70.22	
1	Domain Pembangunan Kendiri	72.60	
	Motivasi Pencapaian	79.04	
	Keagamaan	74.93	
	Daya Tahan	74.74	
	Kecerdasan Emosi	72.72	
	Efikasi Kendiri	71.96	
	Penghargaan Kendiri	69.94	
	Asertif	64.85	
2	Domain Hubungan Sosial	78.18	
	Hubungan Dengan Ibu Bapa/Keluarga	84.26	
	Hubungan Dengan Rakan	78.15	
	Hubungan Dengan Masyarakat	72.13	
3	Domain Identiti	69.14	
	Integriti	79.07	
	Semangat Perpaduan	77.86	
	Daya Saing	67.99	
	Kesukarelaan	60.60	
	Patriotisme	60.16	
4	Domain Potensi Diri	68.13	
	Sensitiviti /Keprihatinan	70.82	
	Kepimpinan	69.85	
	Kreatif	68.58	
	Berdaya Upaya	68.47	
	Keusahawanan	62.95	


Skor Keseluruhan

Indeks Belia Malaysia 2015

Bil	Domain/Indikator keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15	
		Nilai Skor	Tahap
5	Domain Kesihatan	68.42	
	Tiada Kecenderungan Bunuh Diri	97.86	
	Tiada Kemurungan	79.90	
	Tiada Kebimbangan	76.18	
	Tiada Tekanan	69.67	
	Persepsi Terhadap Berat Badan	60.47	
	Bebas Merokok	51.31	
	Amalan Pemakanan	43.52	
6	Domain Pendidikan	71.22	
	Kokurikulum	74.06	
	Kurikulum	70.75	
	Pencapaian Pendidikan	68.86	
7	Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26	
	Literasi Kewangan	71.76	
	Kebolehpekerjaan	61.75	
	Bebas hutang	49.85	
	Jaminan Kewangan	48.67	
	Penggajian	39.29	
8	Domain Keselamatan	70.82	
	Keselamatan Penggunaan Internet	76.76	
	Keselamatan Diri Dan Persekutaran	64.88	
9	Domain Sosialisasi Politik	45.82	
	Perbincang Mengenai Isu Politik	48.29	
	Mengikuti Perkembangan Politik	46.41	
	Penyertaan Dalam Aktiviti Politik (Termasuk Kecenderungan Terhadap Parti)	42.75	

Skor Keseluruhan Indeks Belia Malaysia 2015

Bil	Domain/Indikator keseluruhan	SKOR DOMAIN IBM'15	
		Nilai Skor	Tahap
10	Domain Penggunaan Media	73.59	
	Kekerapan Guna Media	73.59	
11	Domain Aktiviti Waktu Senggang	81.02	
	Penggunaan Masa Senggang	93.29	
	Penggunaan Aktiviti Sukan	68.74	
12	Domain Bebas Tingkah Laku Devian	89.45	
	Tidak Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina	90.36	
	Tidak Mengedar Dadah / Bahan Terlarang	90.32	
	Tidak Berjudi Sehingga Berhutang	90.24	
	Tidak Mengambil Dadah / Bahan Terlarang	90.21	
	Tidak terlibat dengan Jenayah Siber (Menggodam, Cetak Rompak, Dll)	89.96	
	Tidak Mabuk Sehingga Mengganggu Ketenteraman Awam	89.93	
	Tidak Memeras Ugut	89.72	
	Tidak Melakukan Penderaan/ Keganasan Rumah Tangga	89.47	
	Tidak Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah/ Sebelum Berkahwin	89.45	
	Tidak Membawa Senjata	89.32	
	Tidak Mencuri Hak Milik Orang Lain	88.96	
	Tidak Terlibat Dalam Gangsterism	88.85	
	Tidak Mencederakan Orang Lain	88.82	
	Tidak Merosakkan Harta Benda Awam/Vandalisme	88.68	
	Tidak Lumba Motor Haram (Merempit)	87.40	



SKORIBM'15 MENGIKUT DOMAIN

SKOR INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 MENGIKUT DOMAIN


DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI

Domain Pembangunan Kendiri merangkumi tujuh (7) indikator iaitu Penghargaan Kendiri, Efikasi Kendiri, Motivasi Pencapaian, Asertif, Daya Tahan, Keagamaan dan Kecerdasan Emosi. Skor indeks keseluruhan bagi domain Pembangunan Kendiri IBM'15 adalah sebanyak 72.60 iaitu pada tahap Sederhana. Terdapat satu indikator yang berada pada tahap memuaskan iaitu Motivasi Pencapaian yang telah mencatatkan skor indikator tertinggi iaitu 79.04. Manakala enam (6) lagi indikator iaitu Keagamaan, Daya Tahan, Kecerdasan Emosi, Efikasi Kendiri, Penghargaan Kendiri, dan Asertif mencatatkan tahap Sederhana. Indikator Asertif mencatatkan skor terendah iaitu 64.85.

JADUAL 5: SKOR DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI


Domain Pembangunan Kendiri	Skor	Skala/Tahap
Motivasi Pencapaian	79.04	●●●●●
Keagamaan	74.93	●●●●
Daya Tahan	74.74	●●●●
Kecerdasan Emosi	72.72	●●●●
Efikasi Kendiri	71.96	●●●●
Penghargaan Kendiri	69.94	●●●●
Asertif	64.85	●●●●
Skor Domain Pembangunan Kendiri	72.60	●●●●

GRAF 2: SKOR DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Oleh kerana Pembangunan Kendiri melambangkan kemantapan dan kekuatan mental, psikologikal dan sahsiah, adalah amat penting indikator dalam domain ini berada pada tahap yang tinggi bagi menjamin generasi belia yang mampu mendepani dan menujuai pelbagai cabaran masa depan. Kesemua indikator yang terkandung dalam domain Pembangunan Kendiri ini merupakan elemen terpenting yang melengkap pembangunan personaliti unggul golongan belia.
- Justeru, indikator-indikator yang merupakan aset penting bagi pembangunan diri individu ini sewajarnya dibangunkan agar berada pada tahap Sangat Memuaskan. Adalah diyakini bahawa usaha bersepudu antara pihak kerajaan, pemegang taruh belia dan pihak berwajib terhadap pelaksanaan inisiatif dan program pembangunan belia akan memberi impak kepada peningkatan skor Pembangunan Kendiri dalam kalangan belia sekiranya dilaksanakan secara konsisten dan strategik.



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain


DOMAIN HUBUNGAN SOSIAL

Skor indeks keseluruhan bagi domain Hubungan Sosial IBM'15 adalah 78.18 iaitu pada tahap Memuaskan. Terdapat tiga (3) indikator yang terkandung didalam domain ini iaitu Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga, Hubungan dengan Masyarakat dan Hubungan dengan Rakan. Indikator yang mempunyai nilai skor paling tinggi bagi domain ini iaitu indikator Hubungan Dengan Ibu Bapa/Keluarga dengan nilai skor 84.26 berada pada tahap Sangat Memuaskan. Indikator Hubungan dengan Rakan berada pada tahap Memuaskan dengan nilai skor 78.15 dan Hubungan dengan Masyarakat berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor 72.13.

JADUAL 6: SKOR DOMAIN HUBUNGAN SOSIAL

Domain Hubungan Sosial	Skor	Skala/Tahap
Hubungan dengan Ibu Bapa/Keluarga	84.26	★★★★★
Hubungan dengan Rakan	78.15	★★★★
Hubungan dengan Masyarakat	72.13	★★★
Skor Domain Hubungan Sosial	78.18	★★★★

GRAF 7: SKOR DOMAIN HUBUNGAN SOSIAL




Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Melalui perbandingan tiga (3) indikator dalam domain Hubungan Sosial, jelas menunjukkan bahawa, hubungan dengan masyarakat menunjukkan skor terendah. Keadaan ini mungkin berkaitan dengan kurangnya pergaulan dengan masyarakat atau jiran tertangga menyebabkan hubungan belia dan masyarakat menjadi renggang.

- Selain itu, walaupun data bagi indikator menunjukkan belia amat rapat dengan ibubapa serta ahli keluarga mereka, namun nilai skornya perlu dipertingkatkan. Hasil penemuan ini mungkin berkait rapat dengan peningkatan peluang komunikasi seperti melalui jaringan media sosial yang membataskan komunikasi yang berkualiti bersama keluarga, rakan dan masyarakat.


Graf 8: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Jantina




Graf 9: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Kategori Umur



Graf 10 : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Lokaliti



Graf 11: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Etnik



PETUNJUK

----- [80-100] Sangat Memuaskan

----- [75-79] Memuaskan

----- [60-74] Sederhana

----- [50-59] Kurang Memuaskan

----- [40-49] Tidak Memuaskan

----- [0-39] Sangat Tidak Memuaskan

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain


DOMAIN IDENTITI

Secara keseluruhannya, skor indeks bagi domain Identiti sebanyak 69.14 iaitu berada pada tahap Sederhana. Domain ini secara umumnya mencerminkan sejauhmana belia Malaysia mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia. Lima (5) indikator telah digunakan untuk mengukur indeks domain Identiti iaitu Daya Saing, Kesukarelaan, Patriotisme, Semangat Perpaduan dan Integriti.

JADUAL 7: SKOR DOMAIN IDENTITI

Domain Identiti	Skor	Skala/Tahap
Integriti	79.07	█████
Semangat Perpaduan	77.86	██████
Daya Saing	67.99	█████
Kesukarelaan	60.60	████
Patriotisme	60.16	████
Skor Domain Identiti	69.14	████


GRAF 12: SKOR DOMAIN IDENTITI



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Umumnya belia Malaysia mempunyai Integriti dan Semangat Perpaduan pada tahap yang Memuaskan. Ini dapat diterjemahkan melalui skor yang diperolehi bagi kedua-dua indikator tersebut iaitu 79.07 (Integriti) dan 77.86 (Semangat Perpaduan). Walaupun dapatan ini sesuatu yang boleh dibanggakan, namun dalam beberapa aspek lain seperti Daya Saing dan Kesukarelaan masih lagi berada pada tahap yang Sederhana dengan skor masing-masing iaitu 67.99 dan 60.60. Ini sesuatu yang membimbangkan kerana dalam usaha untuk menuju negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, negara perlu menyediakan belia yang mampu bersaing dan mempunyai tahap kesukarelaan yang tinggi. Sehubungan itu, dicadangkan agar program pembangunan belia pada masa hadapan memberi fokus kepada aspek daya saing diri dan pendedahan kepada aktiviti Kesukarelaan perlu diterapkan seawal usia persekolahan agar “Kesukarelaan” menjadi satu budaya dalam kalangan belia Malaysia.
- Indikator Patriotisme turut berada pada tahap yang Memuaskan dengan mencatatkan skor terendah didalam domain ini iaitu 60.16. Dapatan ini perlu diberi perhatian kerana ia memberi gambaran bahawa belia Malaysia masih kurang mencintai atau bangga terhadap tanah air sendiri kerana patriotisme membawa maksud semangat cintakan tanah air. Adalah dicadangkan agar pemupukan dan penghayatan nilai-nilai patriotisme perlu diteruskan bermula di peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Selain itu, program pembangunan belia pada masa hadapan juga perlu memberi tumpuan kepada ke arah pemupukan dan peningkatan nilai cintakan Malaysia yang memerlukan sinergi daripada semua pihak termasuk institusi keluarga, institusi pendidikan, pihak swasta dan pihak kerajaan terutama agensi yang terlibat secara langsung dengan belia iaitu Kementerian Belia dan Sukan.
- Secara keseluruhannya, domain Identiti pada Jadual 7 menunjukkan bahawa belia Malaysia masih lagi mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan dilakukan khususnya yang melibatkan indikator Patriotisme, Kesukarelaan dan Daya Saing.

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain



PETUNJUK

----- (80-100) Sangat Memuaskan	----- (60-74) Sederhana	----- (40-49) Tidak Memuaskan
----- (75-79) Memuaskan	----- (50-59) Kurang Memuaskan	----- (0-39) Sangat Tidak Memuaskan



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain


DOMAIN POTENSI DIRI

Secara keseluruhannya, domain bagi Potensi Diri Belia Malaysia berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor 68.13. Indeks domain Potensi Diri belia diperolehi berdasarkan skor dalam lima (5) indikator iaitu Kepimpinan, Sensitiviti/Keprihatinan, Berdaya Upaya (*empowered*), Keusahawanan dan Kreatif. Domain ini mencerminkan nilai positif yang dimiliki oleh belia Malaysia.

JADUAL 8: SKOR DOMAIN POTENSI DIRI

Domain Potensi Diri	Skor	Skala/Tahap
Sensitiviti /Keprihatinan	70.82	█████
Kepimpinan	69.85	█████
Kreatif	68.58	█████
Berdaya Upaya	68.47	█████
Keusahawanan	62.95	█████
Skor Domain Potensi Diri	68.13	█████

GRAF 17: SKOR DOMAIN POTENSI DIRI




Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Penelitian terhadap indikator-indikator mendapati belia Malaysia mencatatkan tahap Sensitiviti/Keprihatinan yang tertinggi berbanding indikator lain iaitu 70.82, ini diikuti Kepimpinan 69.85, Kreatif 68.58, Berdaya Upaya 68.47 dan yang terakhir sekali indikator Keusahawanan dengan nilai skor 62.95. Potensi keusahawanan berada di tahap terendah dan ini merupakan tanda saran kepada pihak yang berkaitan untuk melipat gandakan usaha bagi memastikan belia Malaysia mendapat bimbingan dan program yang berkaitan dengan keusahawanan. Untuk itu dicadangkan agar kajian yang menjurus kepada keperluan kemahiran serta aktiviti yang dapat meningkatkan potensi ini dilaksanakan dengan kadar segera. Ini bagi menyahut seruan kerajaan yang ingin melihat generasi masa hadapan yang berdikari perlu disemai agar ciri keusahawanan dapat berkembang ke tahap yang lebih produktif dan memberi impak kepada masyarakat dan negara.
- Selaras dengan dapatan Aset Belia Malaysia 2013, belia Malaysia di dapati kurang kemahiran Berdaya Upaya, dapatan 68.47 menunjukkan generasi 'baby boomers' dan generasi X' perlu memberi lebih ruang dan peluang untuk menyerlahkan keupayaan mereka. Dalam konteks kreativiti, kebolehan pemikiran kreatif adalah syarat utama untuk menjadi generasi berdaya maju dan berkemampuan menempuh cabaran dunia global. Sehubungan itu, adalah amat wajar aspek ini diberikan lebih perhatian oleh pihak yang berkenaan ini kerana dapatan semasa menunjukkan ia masih ditahap yang belum boleh dibanggakan.
- Dapatan ini menunjukkan terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan berkaitan Potensi Diri belia Malaysia. Peningkatan indeks bagi domain ini akan secara tidak langsung meningkatkan imej Belia Malaysia secara keseluruhannya, justeru itu di cadangkan agar satu kajian yang memfokus kepada usaha untuk mengenalpasti kaedah bagi meningkatkan domain ini diberikan perhatian oleh pihak KBS.




Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

Graf 18 : Skor Domain Potensi Diri Berdasarkan Jantina




Graf 19: Skor Domain Potensi Diri Berdasarkan Kategori Umur



Graf 20: Skor Domain Potensi Diri Berdasarkan Lokaliti



Graf 21: Skor Domain Potensi Diri Berdasarkan Etnik



PETUNJUK

[80-100]	Sangat Memuaskan	[60-74]	Sederhana	[40-49]	Tidak Memuaskan
[75-79]	Memuaskan	[50-59]	Kurang Memuaskan	[0-39]	Sangat Tidak Memuaskan

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain


DOMAIN KESIHATAN

Bagi menilai domain kesihatan, tujuh (7) indikator telah digunakan pada tahun 2015. Memandangkan kepentingan domain ini serta sensitiviti belia kini yang semakin cakna akan isu kesihatan serta kepentingan isu ini kepada generasi masa hadapan, domain ini diambilkira serta di ketengahkan dalam Jadual 9. Indikator penting seperti tekanan, kebimbangan, kemurungan serta bunuh diri diketengahkan secara positif. Bagi indikator Amalan Pemakanan, ia turut dimasukkan di dalam domain kesihatan kerana amalan pemakanan yang sihat merupakan tanda bagi kesihatan seseorang individu secara umumnya.

JADUAL 9: SKOR DOMAIN KESIHATAN

Domain Kesihatan	Skor	Skala/Tahap
Tiada Kecenderungan Bunuh Diri	97.86	██████████
Tiada Kemurungan	79.90	██████████
Tiada Kebimbangan	76.18	██████████
Tiada Tekanan	69.67	████████
Persepsi Terhadap Berat Badan	60.47	██████
Bebas Merokok	51.31	█████
Amalan Pemakanan	43.52	███
Skor Domain Potensi Diri	68.42	██████

GRAF 22: SKOR DOMAIN KESIHATAN



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Jadual 9 menunjukkan skor keseluruhan kesihatan belia Malaysia adalah di tahap Sederhana dengan skor sebanyak 68.42. Namun begitu skor Amalan Pemakanan berada di tahap yang membimbangkan di mana skor yang diperolehi hanya 43.52 iaitu di tahap Tidak Memuaskan dan perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Selain daripada itu indikator Tiada Tekanan menunjukkan nilai skor 69.67 dan berada di tahap Sederhana. Bagi Tiada Kebimbangan dan Tiada Kemurungan dengan skor masing-masing 76.18 dan 79.90 menunjukkan ianya berada di tahap yang Memuaskan. Namun begitu pihak yang berkenaan tidak boleh merasa cukup dengan apa yang dilakukan, ini kerana pelbagai usaha boleh dilakukan untuk meningkatkan tahap yang ada sekarang kepada tahap sangat memuaskan. Walaupun skor "Tiada Kecenderungan Bunuh Diri" menunjukkan ianya ditahap Sangat Memuaskan, namun terdapat seramai 288 responden (4.8%) cenderung untuk membunuh diri. Ini merupakan sesuatu yang membimbangkan memandangkan jumlah yang terlibat adalah tinggi bagi generasi masa depan.

JADUAL 10: PERATUS RESPONDEN YANG MENGAKU INGIN MEMBUNUH DIRI

Bunuh Diri	Bilangan responden	Peratus (%)
Tidak	5761	95.2
Ya	288	4.8
JUMLAH	6,049	100.0%

JADUAL 11: PERATUSAN SIMPTOM BUNUH DIRI SEPERTI BERFIKIR BUNUH DIRI, MERANCANG BUNUH DIRI DAN CUBAAN BUNUH DIRI

Berfikir bunuh diri	Rancang bunuh diri	Cuba bunuh diri
261(4.3%)	85 (1.4%)	121 (2.0%)

JADUAL 12: PERATUSAN UNTUK BERFIKIR BUNUH DIRI, MERANCANG BUNUH DIRI DAN CUBAAN BUNUH DIRI BERDASARKAN KATEGORI UMUR

Umur/Bunuh diri	Berfikir bunuh diri	Rancang bunuh diri	Cuba bunuh diri
15-18 tahun	88 (5.2%)	24(1.4%)	53(3.1%)
19-24 tahun	111 (4.4%)	38(1.5%)	37(1.5%)
25-30 tahun	62 (3.3%)	23(1.2%)	31(1.6%)

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

JADUAL 13: SIMPTOM-SIMPTOM BUNUH DIRI


Simptom	Bilangan responden	Peratus (%)
Tidak mempunyai Simptom Bunuh Diri	5792	95.0
Hanya Mempunyai satu (1) Simptom Bunuh Diri	189	3.1
Mempunyai dua (2) Simptom Bunuh Diri	73	1.2
Mempunyai Ketiga-tiga Simptom Bunuh Diri	44	0.7

JADUAL 14: CROSSTAB ANTARA INDIKATOR TAHAP TEKANAN, KEBIMBANGAN DAN KEMURUNGAN DENGAN ITEM BUNUH DIRI

	Tekanan			Kebimbangan			Kemurungan		
	Tinggi	Sederhana	Rendah	Tinggi	Sederhana	Rendah	Tinggi	Sederhana	Rendah
Berfikir bunuh diri (n=261)	79 (30.5%)	57 (22.0%)	123 (47.5%)	135 (52.3%)	37 (14.3%)	86 (33.3%)	97 (37.6%)	39 (15.1%)	122 (47.3%)
Merancang bunuh diri (n=85)	38 (45.8%)	21 (25.3%)	24 (28.9%)	54 (66.7%)	11 (13.6%)	16 (19.8%)	34 (41.0%)	18 (21.7%)	31 (37.3%)
Cuba bunuh diri (n=121)	53 (44.9%)	30 (25.4%)	35 (29.7%)	80 (66.7%)	12 (10.0%)	28 (23.3%)	56 (46.3%)	24 (19.8%)	41 (33.9%)

- Skor kesihatan ini menunjukkan generasi masa hadapan Malaysia sangat memerlukan bimbingan dalam menjalani gaya hidup yang lebih positif dan proaktif. Pengembelangan tenaga semua pihak iaitu bermula dari institusi keluarga, pihak kerajaan dan juga swasta serta kementerian yang berkaitan seperti KBS, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan juga pemimpin belia setempat amat diperlukan bagi menjamin usaha murni ini dapat dijayakan. Adalah dicadangkan agar pihak yang bertanggung jawab dalam mengiklankan gaya hidup sihat agar lebih sensitif dengan keperluan dan kehendak belia setempat. Budaya makanan segera yang semakin mendapat tempat dalam kalangan belia Malaysia harus diperangi dengan bersungguh-sungguh agar ia tidak terus bertapak dalam kalangan rakyat Malaysia.

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

DOMAIN PENDIDIKAN


IBM'15 memperkenalkan domain baru iaitu domain Pendidikan. Domain ini berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor 71.22. Terdapat tiga (3) indikator yang terkandung di dalam domain ini iaitu Pencapaian Pendidikan, Kurikulum dan Ko-kurikulum.

Pencapaian Pendidikan atau '*educational attainment*' merupakan indikator penting bagi mengukur kesejahteraan individu kerana ianya seringkali dikaitkan dengan kebolehpekerjaan dan juga upah atau gaji diperolehi. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pulangan, '*return to education*' bagi pendidikan tertiar adalah lebih tinggi berbanding dengan pulangan pendidikan menengah dan rendah. Dalam konteks pembangunan Indeks Belia pencapaian pendidikan diukur dengan mengambil kira tahap pendidikan yang dicapai oleh belia yang berumur 25 hingga 30 tahun. Skor indeks yang dicatatkan adalah Sederhana dengan nilai skor 68.86.

JADUAL 15: SKOR DOMAIN PENDIDIKAN

Domain Pendidikan	Skor	Skala/Tahap
Ko-kurikulum	74.06	👤👤👤
Kurikulum	70.75	👤👤👤
Pencapaian Pendidikan	68.86	👤👤👤
Skor Domain Pendidikan	71.22	👤👤👤

GRAF 27: SKOR DOMAIN PENDIDIKAN



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

Secara lebih terperinci terdapat 7.9 peratus belia dalam lingkungan umur ini yang mempunyai ijazah, diikuti oleh 26.0 peratus mereka yang berkelayakan sijil serta diploma, 41.6 peratus berkelayakan SPM, 16.0 peratus hanya mendapat pendidikan sehingga tahap menengah rendah PMR. Walau bagaimanapun, masih terdapat 4.4 peratus belia dalam lingkungan umur ini yang berkelulusan UPSR dan selebihnya 2.1 peratus tidak mendapat sebarang pendidikan formal.

JADUAL 16: PERATUS PENCAPAIAN PENDIDIKAN

Pencapaian Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
i. Tidak Bersekolah	129	2.1
ii. UPSR	268	4.4
iii. SRP/PMR	977	16.0
iv. SPM/SPMV	2535	41.6
v. STPM/STAM/Sijil/Diploma	1586	26.0
vi. Ijazah	483	7.9
vii. Sarjana	97	1.6
viii. Ph.D	23	0.4
Jumlah Keseluruhan	6098	100.0

Bagi yang sedang menyambung pengajian terdapat beberapa faktor yang mendorong mereka melanjutkan pengajian antaranya sebanyak 49 peratus menyatakan untuk menambah ilmu pengetahuan, 39.8 peratus menyatakan bagi meningkatkan peluang mendapatkan kerja yang lebih baik/kenaikan pangkat, sebanyak 8 peratus ingin menyambung pengajian atas dorongan rakan-rakan, 1.7 peratus atas dorongan ibu bapa/ ahli keluarga dan selebihnya 1.5 peratus atas lain-lain faktor.

JADUAL 17: PERATUS FAKTOR YANG MENDORONG UNTUK MENYAMBUNG PENGAJIAN

Faktor -faktor	Bilangan	Peratus (%)
i. Menambah ilmu pengetahuan	683	49.0
ii. Peluang mendapat kerja yang lebih baik/ kenaikan pangkat	555	39.8
iii. Dorongan Rakan-rakan	111	8.0
iv. Dorongan Ibu bapa/ahli keluarga	23	1.7
v. Lain-lain	21	1.5

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

Belia yang menyambung pengajian ini mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber seperti internet, blog, pameran pendidikan, ibu bapa/penjaga, risalah, rakan-rakan, surat khabar dan televisyen seperti Jadual 18.

JADUAL 18: PERATUS MENDAPATKAN SUMBER MAKLUMAT BERKAITAN PELUANG MELANJUTKAN PENGAJIAN.

Sumber utama melanjutkan pelajaran	Bilangan	Peratus (%)
i. Internet	2372	46.5
ii. Blog	337	6.7
iii. Pameran pendidikan	979	19.4
iv. Ibu bapa/penjaga	962	19.0
v. Risalah	526	10.4
vi. Rakan	1028	20.3
vii. Surat Khabar	693	13.7
viii. Televisyen	517	10.3

Dari segi indikator kurikulum yang diukur melalui kemahiran membaca, menulis dan pemahaman (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) serta kemahiran mengira menjadikan pencapaian skor di tahap Sederhana iaitu dengan nilai skor 70.75. Nilai skor yang sederhana ini adalah sebahagian besarnya disumbang oleh penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris yang sederhana.

JADUAL 19: PERATUS PENGUASAAN DALAM BAHASA MELAYU, BAHASA INGGERIS DAN KEMAHIRAN MENGIRA

Kemahiran	Lemah		Sederhana		Baik	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Penguasaan Bahasa Melayu						
Membaca dalam Bahasa Melayu	282	4.7	719	12.0	5004	83.3
Menulis dalam Bahasa Melayu	306	5.1	785	13.1	4910	81.8
Bertutur dalam Bahasa Melayu	280	4.7	793	13.2	4922	82.1
Memahami maksud apa yang dibaca dalam Bahasa Melayu	297	4.9	873	14.5	4834	80.5
Penguasaan Bahasa Inggeris						
Membaca dalam Bahasa Inggeris	1101	18.4	1622	27.1	3261	54.5
Menulis dalam Bahasa Inggeris	1283	22.8	1782	31.6	2569	45.6
Bertutur dalam Bahasa Inggeris	1460	24.3	1949	32.5	2587	43.1
Memahami maksud apa yang dibaca dalam Bahasa Inggeris	1399	23.3	1837	30.6	2759	46.0
Kemahiran Mengira						
Mengira	456	7.7	1245	21.0	4238	71.4

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

Merujuk kepada penglibatan dalam aktiviti kokurikulum pula, skor indikator ini menunjukkan bacaan Sederhana iaitu nilai skor 74.06. Walaupun ia berada dalam kategori sederhana, secara umumnya belia melibatkan diri secara agak aktif dalam aktiviti ko-kurikulum yang mana pada pendapat mereka aktiviti-aktiviti ini banyak memberi manfaat.



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain


DOMAIN KESEJAHTERAAN EKONOMI

Secara keseluruhannya, domain Kesejahteraan Ekonomi berada pada tahap Kurang Memuaskan dengan catatan nilai skor sebanyak 54.26. Terdapat lima (5) indikator yang digunakan bagi mengukur kesejahteraan ekonomi belia Malaysia, iaitu Jaminan Kewangan, Bebas Hutang, Literasi Kewangan, Kebolehpekerjaan dan Penggajian.

JADUAL 20: SKOR DOMAIN KESEJAHTERAAN EKONOMI

Domain Kesejahteraan Ekonomi	Skor	Skala/Tahap
Literasi Kewangan	71.76	██████
Kebolehpekerjaan	61.75	███████
Bebas hutang	49.85	███
Jaminan Kewangan	48.67	██
Penggajian	39.29	█
Skor Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26	███


GRAF 32: SKOR DOMAIN KESEJAHTERAAN EKONOMI



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Analisis secara terperinci mendapati bahawa Literasi Kewangan dan Kebolehpekerjaan belia berada pada tahap Sederhana dengan catatan skor masing-masing iaitu 71.76 dan 61.75. Dapatkan ini menggambarkan bahawa belia secara umumnya sedia maklum tentang kedudukan kewangan semasa mereka, mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam aspek pengurusan kewangan peribadi. Aspek jaminan kewangan dan literasi kewangan dapat dipertingkatkan dengan menjadikan pendidikan kewangan sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, tahap Kesejahteraan Ekonomi belia juga dapat ditingkatkan sekiranya aspek Kebolehpekerjaan terus diberi perhatian. Adalah dicadangkan agar diwujudkan pelbagai peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan pencapaian dan kelayakan belia dalam pelbagai sektor termasuk awam, swasta dan perniagaan. Bidang keusahawanan perlu diberi tumpuan untuk mengurangkan penggantungan belia untuk bekerja dalam sektor awam mahupun swasta.
- Tahap Bebas Hutang dalam kalangan belia berada pada tahap Tidak Memuaskan dengan catatan skor sebanyak 49.85. Ini menunjukkan bahawa belia Malaysia mempunyai komitmen kewangan dan bebanan hutang yang agak tinggi untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi ekonomi semasa. Adalah dicadangkan agar program pendidikan berkaitan pengurusan kredit dan program penjanaan pendapatan dapat dilaksanakan serta diberi perhatian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dalam kalangan belia serta dapat membendung gejala muflis pada usia belia.
- Selain itu, Jaminan Kewangan juga mencatatkan skor Tidak Memuaskan dengan nilai 48.67. Ini memberi indikasi bahawa belia tidak mempunyai pelan kewangan yang baik seperti simpanan yang mencukupi serta pelan insuran bagi menghadapi sebarang kemungkinan risiko pada masa hadapan.
- Indikator Penggajian berada pada tahap yang Sangat Tidak Memuaskan dan ini menunjukkan bahawa belia merasakan bahawa pendapatan yang diperolehi tidak sepadan dengan jenis pekerjaan mereka serta mereka terpaksa melakukan kerja tambahan bagi menampung keperluan bulanan. Analisis ke atas pendapatan purata bagi mereka yang mempunyai pendapatan RM900.00 dan ke atas menunjukkan bahawa pendapatan purata adalah sebanyak RM1,671.61. Sehubungan itu, pihak majikan terutama agensi kerajaan dan swasta perlu membuat kajian secara mendalam mengenai kesesuaian tingkat gaji yang ditawarkan dengan kelayakan belia serta mengambil kira peningkatan kos sara hidup.
- Dapatkan nilai keseluruhan skor indeks bagi domain Kesejahteraan Ekonomi. Ini memberi gambaran bahawa pelbagai inisiatif perlu dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan tahap ekonomi belia Malaysia dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan.

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain



PETUNJUK	(80-100) Sangat Memuaskan	(60-74) Sederhana	(40-49) Tidak Memuaskan
-----	[80-100] Sangat Memuaskan	-----	-----
-----	[75-79] Memuaskan	-----	-----

----- [50-59]
Kurang Memuaskan

----- [0-39]
Sangat Tidak Memuaskan



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain


DOMAIN KESELAMATAN

Domain Keselamatan secara keseluruhan mencapai skor Sederhana iaitu dengan nilai skor 70.82. IBM'15 memperkenalkan domain baru ini dengan mengandungi dua (2) indikator iaitu indikator Keselamatan Diri dan Persekutaran serta Keselamatan Ketika Menggunakan Internet. Dapatkan bagi indikator pertama iaitu Keselamatan Diri dan Persekutaran nilai skor yang dicapai adalah 64.88 iaitu berada dalam keadaan Sederhana manakala bagi indikator Keselamatan Ketika Menggunakan Internet pula mencapai nilai skor 76.76 iaitu berada dalam tahap yang Memuaskan. Nilai skor boleh dilihat daripada Jadual 21.

JADUAL 21: SKOR DOMAIN KESELAMATAN

Domain Keselamatan	Skor	Skala/Tahap
Keselamatan Ketika Menggunakan Internet	76.76	👤👤👤👤
Keselamatan Diri dan Persekutaran	64.88	👤👤👤
Skor Domain Keselamatan	70.82	👤👤👤


GRAF 37: SKOR DOMAIN KESELAMATAN




Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Skor Keselamatan ini menggambarkan bahawa belia Malaysia masih berasa sedikit kebimbangan terhadap persekitaran mereka. Nilai skor bagi indikator Keselamatan Ketika Menggunakan Internet memberi indikasi bahawa belia Malaysia masih peka terhadap keselamatan siber dan sentiasa berwaspada semasa menggunakan internet.
- Berdasarkan nilai skor bagi indikator Keselamatan Diri dan Persekutaran adalah dicadangkan bahawa pihak kerajaan perlu sentiasa menyediakan program yang bersesuaian kepada belia Malaysia agar aspek keselamatan dapat dipertingkatkan lagi terutama dari segi kempen kesedaran dan amalan keselamatan di kawasan perumahan.

Graf 38 : Skor Domain Keselamatan Berdasarkan Jantina




Graf 39: Skor Domain Keselamatan Berdasarkan Kategori Umur



Graf 40: Skor Domain Keselamatan Berdasarkan Lokaliti



Graf 41: Skor Domain Keselamatan Berdasarkan Etnik



PETUNJUK

	{80-100} Sangat Memuaskan		{60-74} Sederhana		{40-49} Tidak Memuaskan
	{75-79} Memuaskan		{50-59} Kurang Memuaskan		{0-39} Sangat Tidak Memuaskan

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

DOMAIN SOSIALISASI POLITIK


Domain Sosialisasi Politik juga merupakan salah satu domain yang baharu dalam Indeks Belia Malaysia 2015. Skor indeks keseluruhan untuk domain sosialisasi politik ialah 45.82. Pencapaian skor ini berada dalam kategori Tidak Memuaskan yang membawa maksud bahawa belia Malaysia kurang aktif mencebur diri dalam bidang politik.

Domain Sosialisasi Politik ini dinilai melalui tiga (3) indikator seperti yang tersenarai dalam Jadual 22. Antara ketiga-tiga indikator yang tersenarai didalam domain ini didapati bahawa nilai skor indikator bagi penglibatan belia dalam Membincangkan Mengenai Isu Politik adalah paling tinggi iaitu 48.29 berbanding dengan nilai skor indikator Mengikuti Perkembangan Politik (46.41) dan Penyertaan Dalam Aktiviti Politik (42.75). Perbandingan nilai skor indikator dalam domain ini menunjukkan bahawa belia Malaysia lebih suka berbincang mengenai isu politik sama ada dengan rakan-rakan mereka, ahli keluarga, rakan siber, guru atau pensyarah dan komuniti berbanding dengan penglibatan dalam politik secara aktif. Nilai-nilai skor indikator ini juga menunjukkan bahawa belia juga mengikuti perkembangan politik di Malaysia tetapi setakat untuk perbincangan dan bukan untuk penglibatan secara langsung dalam politik.

JADUAL 22: SKOR DOMAIN SOSIALISASI POLITIK

Domain Sosialisasi Politik	Skor	Skala/Tahap
Berbincang Mengenai Isu Politik	48.29	█
Mengikuti Perkembangan Politik	46.41	█
Penyertaan Dalam Aktiviti Politik (Termasuk Kecenderungan Terhadap Parti)	42.75	█
Skor Domain Sosialisasi Politik	45.82	█

GRAF 42: SKOR DOMAIN SOSIALISASI POLITIK




Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Secara keseluruhannya, domain Sosialisasi Politik ini masih berada pada tahap yang Tidak Memuaskan dan ini menunjukkan bahawa belia Malaysia secara keseluruhannya kurang memberi keutamaan dan kurang berminat dalam isu-isu politik berbanding dengan isu-isu lain seperti hiburan dan sebagainya. Dapatan ini selaras dan berkait rapat dengan budaya belia di negara lain seperti di Eropah yang menunjukkan belia kurang berminat dalam bidang politik secara relatifnya (*International Institute for Democracy and Electoral Assistance, 2013*).
- Bagi memastikan belia Malaysia mempunyai suara dalam proses pembentukan polisi

negara terutamanya polisi yang berkait rapat dengan isu-isu belia, pengetahuan dan pendedahan awal terhadap seluruh jentera dan struktur politik amat perlu disemai dalam kalangan belia Malaysia. Ini dapat dilakukan melalui pendidikan terutamanya dalam peringkat sekolah menengah sehingga ke peringkat universiti. Melalui proses pendidikan ini, belia juga dapat belajar mengenai nilai-nilai integriti dan etika yang patut ada dalam tadbir urus sesbuah negara. Ini akan menjadikan belia Malaysia lebih berminat dan lebih peka kepada isu-isu politik di samping dapat memberi cadangan dan pandangan yang matang untuk memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar, tulus dan maju.


Graf 43 : Skor Domain Sosialisasi Politik Berdasarkan Jantina




Graf 44: Skor Domain Sosialisasi Politik Berdasarkan Kategori Umur



Graf 45: Skor Domain Sosialisasi Politik Berdasarkan Lokaliti



Graf 46: Skor Domain Sosialisasi Politik Berdasarkan Etnik



PETUNJUK

(80-100) Sangat Memuaskan	(60-74) Sederhana	(40-49) Tidak Memuaskan
(75-79) Memuaskan	(50-59) Kurang Memuaskan	(0-39) Sangat Tidak Memuaskan

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

DOMAIN PENGGUNAAN MEDIA

Skor indeks keseluruhan bagi domain Penggunaan Media ialah 73.59. Pencapaian skor ini berada dalam kategori Sederhana yang memberikan gambaran bahawa, belia Malaysia melibatkan diri secara sederhana dalam menggunakan media seperti menonton televisyen, mendengar radio, menggunakan telefon bimbit, menggunakan komputer, melayari internet dan membaca surat khabar/buku (selain buku pelajaran)/majalah.

JADUAL 23: SKOR DOMAIN PENGGUNAAN MEDIA

Domain Penggunaan Media	Skor	Skala/Tahap
Kekerapan Guna Media	73.59	⬆️⬆️⬆️
Skor Domain Penggunaan Media	73.59	⬆️⬆️⬆️

Jika dianalisa lebih terperinci berhubung jumlah masa yang diperuntukkan untuk menggunakan sesuatu media, hasil kajian mendapat masa untuk menggunakan telefon bimbit paling tinggi berbanding media lain iaitu selama 5-6 jam sehari dan diikuti dengan melayari internet selama 3-4 jam sehari. Manakala bagi penggunaan komputer dan menonton televisyen mengambil masa 2-3 jam. Hasil IBM'15 mendapat mendengar radio, membaca buku (selain buku pelajaran) dan membaca surat khabar memperuntukkan masa 1-2 jam sehari. Bagi membaca majalah paling rendah tempoh penggunaannya ialah mengambil masa 1 jam sahaja. Ini menunjukkan bahawa skor belia Malaysia bagi domain Penggunaan Media tidak menjurus kepada ketagihan kecuali penggunaan telefon bimbit lebih tinggi secara relatif.

Jumlah jam yang di peruntukan oleh belia dalam masa sehari

Menggunakan telefon bimbit	5-6 jam
Melayari internet	3-4 jam
Menggunakan komputer	2-3 jam
Menonton tv	2-3 jam
Mendengar radio	1-2 jam
Membaca buku (selain buku pelajaran)	1-2 jam
Membaca surat khabar	1-2 jam
Majalah	1 jam



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

JADUAL 24: KEKERAPAN PENGGUNAAN INTERNET

Penggunaan internet	Tidak Kerap		Kerap	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
i. Rangkaian sosial (cth: Facebook, Twitter, Youtube, dll)	752	13.4	4869	86.6
ii. Laman sembang	1361	26.8	3720	73.2
iii. Menonton video atas talian (<i>online</i>)	1787	37.1	3036	62.9
iv. Permainan video	1951	42.4	2645	57.6
v. Jual beli secara atas talian (<i>online</i>) (cth: e-bay, pay pal, mudah.my, dll)	2356	55.5	1887	44.5
vi. Blogging	2358	61.1	1502	38.9
vii. Transaksi kewangan (cth: cimbclicks, maybank2u, dll)	2394	60.3	1575	39.7
viii. Forum	2485	62.8	1473	37.2

JADUAL 25: TUJUAN PENGGUNAAN INTERNET

Menggunakan internet bagi mendapatkan maklumat seperti:	Tidak Kerap		Kerap	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
i. Hiburan	810	17.0	3942	83.0
ii. Keagamaan	1631	33.4	3247	66.6
iii. Kesihatan	1778	34.9	3312	65.1
iv. Pendidikan (cth: tugasan, dll)	1696	33.8	3328	66.2
v. Sukan	1769	35.1	3270	64.9
vi. Khidmat nasihat	1866	42.4	2530	57.6
vii. Kesihatan reproduktif	2050	46.9	2320	53.1
viii. Perkhidmatan kerajaan	1997	44.9	2451	55.1
ix. Politik	2379	63.2	1386	36.8
x. Seksual/pornografi	2047	65.7	1067	34.3

Penggunaan media di dalam Indeks Belia Malaysia 2015 menggariskan bahawa penggunaan media dalam tempoh maksimum empat (4) jam didefinisikan sebagai penggunaan paling ideal (Ward & Friedman, 2006). Manakala bagi penggunaan yang melebihi daripada tempoh empat (4) jam didefinisikan sebagai berada pada tahap ketagihan.

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

Berdasarkan kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), 2011 mendapati seramai 58% daripada rakyat Malaysia menghabiskan masa antara 3 hingga 5 jam sehari untuk melayari laman media sosial. Sehubungan itu, kajian IBM'15 menggunakan 4 jam sehari sebagai penanda aras tempoh masa yang ideal dalam penggunaan media.

Merujuk kepada dapatan IBM'15, kempen kesedaran dalam penggunaan media agar belia Malaysia tidak berada pada tahap ketagihan iaitu penggunaan melebihi daripada 8 jam sehari. Berdasarkan IBM'15, pendedahan media dalam kalangan pengguna belia memerlukan satu garis panduan yang berupaya untuk memandu mereka menggunakan media secara sihat dan beretika.



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

DOMAIN WAKTU SENGANG


Skor indeks keseluruhan untuk domain waktu senggang ialah 81.02. Pencapaian skor ini terletak dalam kategori Sangat Memuaskan yang membawa maksud bahawa belia Malaysia sangat aktif terlibat dalam aktiviti sukan dan juga pelbagai aktiviti seperti blogging, melayari laman sosial, membeli-belah, melakukan aktiviti hobi, berekreasi dan sebagainya dalam waktu senggang.

Domain waktu senggang ini dinilai melalui dua (2) indikator seperti yang tersenarai dalam Jadual 26. Antara kedua-dua indikator yang tersenarai, di dapati nilai skor penglibatan belia dalam pelbagai aktiviti senggang seperti *blogging*, melayari laman web, membeli-belah dan lain-lain (93.29) adalah lebih tinggi dari nilai skor penglibatan dalam aktiviti sukan (68.74). Ini bermakna belia Malaysia kurang cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan tetapi lebih berminat melakukan aktiviti-aktiviti sebagaimana dinyatakan pada waktu senggang.

JADUAL 26: SKOR DOMAIN WAKTU SENGANG

Domain Waktu Senggang	Skor	Skala/Tahap
Penggunaan Waktu Senggang	93.29	●●●●●
Penggunaan Aktiviti Sukan	68.74	●●●●
Skor Domain Waktu Senggang	81.02	●●●●●

GRAF 51: SKOR DOMAIN WAKTU SENGANG



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

- Pengisian aktiviti yang berkualiti pada waktu senggang dilihat sangat penting dalam usaha membangunkan belia Malaysia yang mempunyai ciri-ciri yang positif. Pengisian waktu berkualiti ini akan memberikan nilai tambah dalam melahirkan belia Malaysia yang lebih kompetitif.
- Bagi mengetahui secara lanjut berhubung aktiviti-aktiviti sukan dan penggunaan masa senggang dalam kalangan belia, berikut merupakan peratus aktiviti sukan dan aktiviti yang diisi semasa masa senggang antaranya:

JADUAL 27: PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI SUKAN MENGIKUT JENIS SUKAN

Aktiviti Sukan	Kerap		Tidak Kerap		Tidak pernah	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
<i>Jogging</i>	2766	45.4	1687	27.7	1645	27
<i>Badminton</i>	2656	43.6	1770	29.0	1672	27.4
<i>Berbasiikal</i>	2137	35.0	1822	29.9	2139	35.1
<i>Bola sepak</i>	2200	36.1	1529	25.1	2369	38.8
<i>Futsal</i>	1794	29.4	1548	25.4	2756	45.2
<i>Gym</i>	1413	23.2	1825	29.9	2860	46.9
<i>Bowling</i>	1290	21.2	1926	31.6	2882	47.3
<i>Lumba lari</i>	1169	19.2	1809	29.7	3120	51.2
<i>Mendaki bukit/gunung</i>	1130	18.5	1903	31.2	3065	50.3
<i>Memancing</i>	1154	18.9	1722	28.2	3222	52.8
<i>Bola keranjang/bola jaring</i>	1151	18.9	1813	29.7	3134	51.4
<i>Sepak takraw</i>	1087	17.8	1690	27.7	3321	54.5
<i>Renang</i>	975	16.0	1955	32.1	3168	52
<i>Catur</i>	930	15.3	1817	29.8	3351	55
<i>Snooker</i>	968	15.9	1666	27.3	3464	56.8
<i>Ping pong</i>	853	14.0	1752	28.7	3493	57.3
<i>Street soccer</i>	831	13.6	1574	25.8	3693	60.6
<i>Mengembara</i>	784	12.9	1652	27.1	3662	60.1
<i>Hoki</i>	748	12.3	1697	27.8	3653	59.9
<i>Tenis</i>	661	10.8	1831	30.0	3606	59.1
<i>Skuasy</i>	608	10.0	1734	28.4	3756	61.6
<i>Ragbi</i>	638	10.5	1624	26.6	3836	62.9
<i>Golf</i>	546	9.0	1682	27.6	3870	63.5
<i>Paintball</i>	576	9.4	1636	26.8	3886	63.7
<i>Skate boarding</i>	555	9.1	1626	26.7	3917	64.2
<i>Drift car</i>	531	8.7	1578	25.9	3989	65.4
<i>Lumba motor</i>	586	9.6	1531	25.1	3981	65.3
<i>Sprint test/drag</i>	515	8.4	1587	26.0	3996	65.5
<i>Lumba kereta</i>	490	8.0	1567	25.7	4041	66.3

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

JADUAL 28: PENGGUNAAN MASA SENGGANG DALAM KALANGAN BELIA


Aktiviti Masa senggang	Kerap		Tidak Kerap	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Menonton televisyen	4838	86.7	743	13.3
Laman sosial (<i>facebook, twitter, Instagram, line, youtube, dll</i>)	4735	84.3	883	15.7
Memasak	3361	65.4	1778	34.6
Beramal di tempat ibadat	2696	62.6	1611	37.4
Membeli belah	3001	58.9	2092	41.1
Membaca atau mengunjungi perpustakaan/kedai buku	2964	54.3	2497	45.7
Fotografi	2066	53.6	1786	46.4
Melepak (kedai makan, restoran, pusat membeli belah, dll)	2417	52.6	2177	47.4
Bermain permainan computer (PSP, PS2, PS3, <i>XBOX360</i> , dll)	2291	51.9	2127	48.1
Main alat muzik	1973	50.6	1924	49.4
Menghias	2255	50.1	2242	49.9
Menonton wayang	2537	49.7	2563	50.3
Melancong	1866	49.4	1908	50.6
Melukis/mewarna	1905	49.0	1982	51.0
<i>Blogging</i>	2379	48.7	2507	51.3
Berkhemah	2020	48.2	2168	51.8
Keluar bersama pasangan (<i>dating</i>)	2084	48.0	2257	52.0
Kraf tangan	2116	47.7	2317	52.3
Berkelah	1815	46.0	2132	54.0
Aktiviti kebudayaan dan kesenian	2079	43.5	2699	56.5
Menonton persembahan (kesenian, budaya warisan, teater)	1562	43.0	2073	57.0
Karaoke	1435	42.4	1947	57.6
Kemasyarakatan	1367	40.7	1991	59.3
<i>Clubbing</i>	952	31.7	2048	68.3

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

JADUAL 29: PERATUS PENGLIBATAN BELIA DALAM PERSATUAN/KELAB

Aktiviti Masa senggang	Ya	
	Kekerapan	Peratus (%)
i. Kelab Sukan (cth: Kelab Bola Sepak, Kelab Badminton dan Kelab Futsal)	2,358	38.7
ii. Badan Beruniform (Persatuan Pengakap/ Pandu puteri)	1,384	22.7
iii. Persatuan Kebajikan (cth: Sukarelawan)	1,228	20.1
iv. Persatuan Agama	1,096	18.0
v. Persatuan Belia (cth: 4B, MBYC dll)	1,030	16.9
vi. Persatuan seni mempertahankan diri (cth:persatuan silat gayong)	896	14.7
vii. Persatuan Bulan Sabit Merah / St. John	860	14.1
viii. Persatuan rekreatif (Kelab Pendakian)	847	13.9
ix. Persatuan Alam Sekitar	794	13.0
x. Kelab Seni dan Kebudayaan (cth: tarian)	789	12.9
xi. Kelab Usahawan	740	12.1
xii. Persatuan Alumni	733	12.0
xiii. Kelab Permotoran	719	11.8
xiv. Kelab perkhidmatan (cth: <i>Rotary Club</i> , Rakan Cop dan <i>Lion Club</i>)	715	11.7
xv. Kumpulan Berasaskan Minat (<i>Special Interest Group</i>)	706	11.6
xvi. Persatuan Profesional (Cth: Persatuan Peguam, Persatuan Arkitek dll)	537	8.8

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain



Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain

DOMAIN BEBAS TINGKAH LAKU DEVIAN


IBM'15 mengekalkan aspek Tingkah Laku Devian. Item-item bersesuaian dengan indikator Tingkah Laku Devian dikemaskini berdasarkan keperluan semasa. Domain Bebas Tingkah Laku Devian secara keseluruhan mencapai skor sangat memuaskan iaitu 89.45. Hasil skor ini mencadangkan bahawa belia di Malaysia bebas dari Tingkah Laku Devian. Terdapat lima belas (15) indikator dalam domain Bebas Tingkah Laku Devian.

JADUAL 30: SKOR DOMAIN BEBAS TINGKAH LAKU DEVIAN

Domain Bebas Tingkah Laku Devian	Skor	Skala/Tahap
Tidak Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina	90.36	
Tidak Mengedar Dadah / Bahan Terlarang	90.32	
Tidak Berjudi Sehingga Berhutang	90.24	
Tidak Mengambil Dadah / Bahan Terlarang	90.21	
Tidak terlibat dengan Jenayah Siber (Menggodam, Cetak Rompak, Dll)	89.96	
Tidak Mabuk Sehingga Mengganggu Ketenteraman Awam	89.93	
Tidak Memeras Ugut	89.72	
Tidak Melakukan Penderaan/ Keganasan Rumah Tangga	89.47	
Tidak Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah/ Sebelum Berkahwin	89.45	
Tidak Membawa Senjata	89.32	
Tidak Mencuri Hak Milik Orang Lain	88.96	
Tidak Terlibat Dalam Gangsterisme	88.85	
Tidak Mencederakan Orang Lain	88.82	
Tidak Merosakkan Harta Benda Awam/ Vandalisme	88.68	
Tidak Terlibat Dengan Lomba Motor Haram (Merempit)	87.40	
Skor Domain Bebas Tingkah Laku Devian	89.45	

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain




GRAF 56: SKOR DOMAIN BEBAS TINGKAH LAKU DEVIAN



- Dari segi indikator iaitu Tidak Melakukan Penderaan/Keganasan Rumah Tangga (88.68), Tidak Membawa Senjata (89.32), Tidak Memeras Ugut (89.72), Tidak Mencuri Hak Milik Orang Lain (88.96), Tidak Mencederakan Orang Lain (88.82), Tidak Terlibat Dalam Gangsterism (88.85), Tidak Merosakkan Harta Benda Awam/Vandalisme (88.86), Tidak Terlibat Dengan Lumba Haram, Merempit (87.40), Tidak Mengambil Dadah/Bahan Terlarang (90.21), Tidak Mengendarai Dadah/Bahan Terlarang (90.32), Tidak Mabuk Sehingga Mengganggu Ketenteraman Awam (89.93), Tidak Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah (89.45), Tidak Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina (90.36), Tidak Berjudi Sehingga Berhutang (90.24) dan Tidak Terlibat Dengan Jenayah Siber (89.96). Ini dapat dilihat melalui Jadual 30 di atas.

- Scara keseluruhannya belia Malaysia mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai tingkah laku yang melanggari norma-norma masyarakat dan yang bertentangan dengan undang-undang negara. Ini secara langsung dapat mengelakkan belia daripada terlibat dalam Tingkah Laku Devian.
- Sehubungan itu, bagi meningkatkan lagi nilai skor domain ini, disyorkan agar pihak kerajaan perlu sentiasa menyediakan program yang bersesuaian kepada belia Malaysia terutama menyediakan program latihan dan intervensi yang bersesuaian khususnya untuk membendung gejala pelakuan seks bebas dan pengedaran dadah.

Skor Indeks Belia Malaysia 2015 Mengikut Domain



PETUNJUK

[80-100] Sangat Memuaskan	[60-74] Sederhana	[40-49] Tidak Memuaskan
[75-79] Memuaskan	[50-59] Kurang Memuaskan	[0-39] Sangat Tidak Memuaskan



RUMUSAN

RUMUSAN

- Pada tahun 2015, kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia berada pada tahap SEDERHANA. Ini bermakna terdapat pelbagai ruang untuk ditambah baik.
- Terdapat beberapa domain yang berada pada tahap Kurang Memuaskan dan Tidak Memuaskan yang perlu diperhalusi seperti domain Sosialisasi Politik dan Kesejahteraan Ekonomi. Tumpuan ini perlu diberikan agar belia dapat merealisasikan potensi diri mereka seterusnya mampu berperanan sebagai agen pembangunan Negara.
- IBM'15 menjadi penanda aras dalam menilai dan memantau kesejahteraan hidup belia serta memandu pemegang taruh dalam membangunkan pelan tindakan ke arah kesejahteraan hidup belia Malaysia yang lebih positif.
- Cabaran utama dalam usaha pembangunan belia kini ialah bagaimana merancang dan melaksanakan program secara holistik, berkesinambungan dan sistematik yang dapat meningkatkan lagi skor IBM serta menilai belia berdasarkan kepada aset positif yang ada pada diri mereka. Kejayaan keseluruhan program pembangunan belia dapat ditentukan jika IBM terus dipantau serta dijadikan rujukan utama dalam setiap perancangan program atau aktiviti belia.
- Seterusnya, IYRES mencadangkan agar satu Pelan Tindakan Pembangunan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di wujudkan berdasarkan input-input daripada IBM'15. Pelan tindakan ini dilaksanakan dengan kerjasama semua pemegang taruh pembangunan belia agar program sedia ada dapat ditambahbaik manakala program-program baru yang ingin dilaksanakan adalah mengikut kepada keperluan generasi belia dan memberi impak pada masa akan datang.
- Kerangka Pelan Tindakan yang dicadangkan seperti mana Rajah 5, merupakan rumusan yang dibahagikan mengikut kelompok belia (tier) bagi membolehkan perancangan strategik pembangunan belia yang terarah. *Tier* ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:
 - ▶ *Tier 1* merujuk kepada kesejahteraan hidup belia yang berada pada tahap memuaskan sehingga sangat memuaskan dengan nilai skor 75 hingga 100. *Tier 1* ini memerlukan lonjakan inovasi yang melibatkan domain-domain seperti Bebas Tingkah Laku Devian, Kesihatan dan Hubungan Sosial.
 - ▶ *Tier 2* merujuk kepada kesejahteraan hidup belia yang berada pada tahap sederhana dengan nilai skor 60 hingga 74. *Tier 2* ini memerlukan intervensi yang melibatkan tujuh (7) domain seperti Penggunaan Media, Pembangunan Kendiri, Pendidikan, Keselamatan, Identiti, Kesihatan dan Potensi Diri.
 - ▶ *Tier 3* merujuk kepada kesejahteraan hidup belia yang berada pada tahap kurang memuaskan sehingga sangat tidak memuaskan dengan nilai skor 0 hingga 59. Fasa ini memerlukan pemerhatian yang khusus melalui proses diagnosis dan kumpulan berfokus yang melibatkan domain Kesejahteraan Ekonomi dan Sosialisasi Politik.

RUMUSAN


RAJAH 5: KERANGKA PELAN TINDAKAN IBM'15



- Bagi mencapai matlamat kesejahteraan belia di tahap Sangat Memuaskan, pelan tindakan ini diperlukan bagi menjadi pemangkin kepada usaha-usaha untuk membangunkan dan melahirkan belia yang cemerlang dalam pelbagai aspek kehidupan.
- Selain itu, berdasarkan pelaporan kajian ini perancangan ke arah membangunkan belia yang cemerlang juga boleh dilaksanakan melalui *Smart Youth Community* (SYC) yang mana mereka ini adalah sekumpulan komuniti belia yang dibentuk sebagai ikon masa hadapan. Belia ini berperanan sebagai agen perubahan persekitaran yang lebih holistik untuk menyediakan peluang, menggalakkan minat, kemahiran dan kemampuan golongan belia ke arah usaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup belia.
- Semoga penghasilan IBM'15 boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dalam merancang dan melaksanakan segala usaha pembangunan belia. Setiap usaha dan pelaburan yang dilaksanakan pada hari ini, akan mencorakkan belia pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Dasar Belia Malaysia, 2015:Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia,*
- Indeks Belia Malaysia, 2006: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).*
- Indeks Belia Malaysia, 2008: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).*
- Indeks Belia Malaysia, 2011: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).*
- Jumlah Populasi Belia Malaysia, 2014: Jabatan Perangkaan Malaysia.*
- Laporan Ekonomi Negara 2011: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia*
- National Youth Survey, 2007, Perspectives On Civic Participation And Attitudes Towards Democracy, Governance And Political Participation:Merdeka Center.*
- Ramli, Jamaludin, 2010 Bab 6 : *Pengertian Konsep Kendiri.* In: Psikologi Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, pp. 1-9.
- The Asia Foundation. *The Youth Factor.* 2012: Taylor Nelson Sofres Malaysia
- Understanding Anxieties and Desires of Malaysia Youth.* 2012: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
- Ward & Friedman, 2006, *Using TV as a Guide: Associations Between Television Viewing and Adolescents' Sexual Attitudes and Behavior*, Volume 16, Issue 1, pages 133–156, Journal of Research on Adolescence
- Youth Policy Formulation Manual*, 1999: United Nation



ANNEXURE

PERBANDINGAN SKOR MENGIKUT JANTINA

Domain/Indikator	Lelaki		Perempuan	
	Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Keseluruhan Skor IBM'15	69.57	Sederhana	70.49	Sederhana
Domain Pembangunan Kendiri	71.97	Sederhana	73.42	Sederhana
Penghargaan Kendiri	69.31	Sederhana	70.77	Sederhana
Efikasi Kendiri	71.50	Sederhana	72.55	Sederhana
Motivasi Pencapaian	78.44	Memuaskan	79.81	Memuaskan
Asertif	64.03	Sederhana	65.93	Sederhana
Daya Tahan	74.60	Sederhana	74.91	Sederhana
Keagamaan	74.16	Sederhana	75.94	Memuaskan
Kecerdasan Emosi	71.74	Sederhana	74.02	Sederhana
Domain Hubungan Sosial	78.05	Memuaskan	78.34	Memuaskan
Hubungan Dengan Ibu Bapa/Keluarga	83.64	Sangat Memuaskan	85.07	Sangat Memuaskan
Hubungan Dengan Masyarakat	72.28	Sederhana	71.92	Sederhana
Hubungan Dengan Rakan	78.24	Memuaskan	78.04	Memuaskan
Domain Identiti	68.55	Sederhana	69.90	Sederhana
Daya Saing	68.35	Sederhana	67.52	Sederhana
Kesukarelaan	60.07	Sederhana	61.28	Sederhana
Patriotisme	59.55	Kurang Memuaskan	60.97	Sederhana
Semangat Perpaduan	76.64	Memuaskan	79.44	Memuaskan
Integriti	78.15	Memuaskan	80.28	Sangat Memuaskan
Domain Potensi Diri	67.83	Sederhana	68.52	Sederhana
Kepimpinan	69.60	Sederhana	70.18	Sederhana
Sensitiviti /Keprihatinan	69.87	Sederhana	72.05	Sederhana
Berdaya Upaya	68.54	Sederhana	68.37	Sederhana
Keusahawanan	62.57	Sederhana	63.45	Sederhana
Kreatif	68.58	Sederhana	68.56	Sederhana
Domain Kesihatan	63.66	Sederhana	67.71	Sederhana
Tiada Tekanan	69.67	Sederhana	69.66	Sederhana
Tiada Kebimbangan	76.65	Memuaskan	75.56	Memuaskan
Tiada Kemurungan	79.64	Memuaskan	80.22	Sangat Memuaskan
Tiada Kecenderungan Bunuh Diri	97.98	Sangat Memuaskan	97.70	Sangat Memuaskan
Persepsi Terhadap Berat Badan	37.91	Sangat Tidak Memuaskan	41.63	Tidak Memuaskan
Bebas Merokok	40.02	Tidak Memuaskan	66.02	Sederhana
Amalan Pemakanan	43.78	Tidak Memuaskan	43.17	Tidak Memuaskan
Domain Aktiviti Waktu Senggang	83.67	Sangat Memuaskan	77.56	Memuaskan
Penggunaan Aktiviti Sukan	74.81	Sederhana	60.84	Sederhana
Penggunaan Masa Senggang	92.52	Sangat Memuaskan	94.28	Sangat Memuaskan
Domain Penggunaan Media	72.57	Sederhana	74.89	Sederhana
Kekerapan Guna Media	72.57	Sederhana	74.89	Sederhana

Domain/Indikator	Lelaki		Perempuan	
	Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
Domain Bebas Tingkah Laku Devian	87.97	Sangat Memuaskan	91.36	Sangat Memuaskan
Tidak Melakukan Penderaan/ Keganasan Rumah Tangga	88.02	Sangat Memuaskan	91.36	Sangat Memuaskan
Tidak Membawa Senjata	87.78	Sangat Memuaskan	91.34	Sangat Memuaskan
Tidak Memeras Ugut	88.30	Sangat Memuaskan	91.56	Sangat Memuaskan
Tidak Mencuri Hak Milik Orang Lain	87.50	Sangat Memuaskan	90.86	Sangat Memuaskan
Tidak Mencederakan Orang Lain	87.15	Sangat Memuaskan	91.00	Sangat Memuaskan
Tidak Terlibat Dalam Gangsterism	87.15	Sangat Memuaskan	91.05	Sangat Memuaskan
Tidak Merosakkan Harta Benda Awam/Vandalisme	87.21	Sangat Memuaskan	90.61	Sangat Memuaskan
Tidak Lumba Motor Haram (Merempit)	84.98	Sangat Memuaskan	90.54	Sangat Memuaskan
Tidak Mengambil Dadah / Bahan Terlarang	88.90	Sangat Memuaskan	91.92	Sangat Memuaskan
Tidak Mengedar Dadah / Bahan Terlarang	89.10	Sangat Memuaskan	91.91	Sangat Memuaskan
Tidak Mabuk Sehingga Mengganggu Ketenteraman Awam	88.73	Sangat Memuaskan	91.49	Sangat Memuaskan
Tidak Mengadakan Hubungan Seks Luar Nikah/ Sebelum Berkahwin	88.08	Sangat Memuaskan	91.23	Sangat Memuaskan
Tidak Mengadakan Hubungan Seks Sesama Jantina	89.10	Sangat Memuaskan	92.00	Sangat Memuaskan
Tidak Berjudi Sehingga Ber hutang	89.05	Sangat Memuaskan	91.78	Sangat Memuaskan
Tidak terlibat dengan Jenayah Siber (Menggodam, Cetak Rompak, DLL)	88.57	Sangat Memuaskan	91.78	Sangat Memuaskan
Domain Kesejahteraan Ekonomi	53.97	Kurang Memuaskan	54.67	Kurang Memuaskan
Jaminan Kewangan	49.02	Tidak Memuaskan	48.21	Tidak Memuaskan
Bebas hutang	49.85	Tidak Memuaskan	49.85	Tidak Memuaskan
Literasi Kewangan	70.84	Sederhana	72.95	Sederhana
Kebolehpekerjaan	62.46	Sederhana	60.75	Sederhana
Penggajian	37.67	Sangat Tidak Memuaskan	41.58	Tidak Memuaskan
Domain Pendidikan	69.48	Sederhana	73.54	Sederhana
Pencapaian Pendidikan	66.72	Sederhana	71.79	Sederhana
Kurikulum	68.25	Sederhana	74.03	Sederhana
Kokurikulum	73.48	Sederhana	74.81	Sederhana
Domain Keselamatan	70.26	Sederhana	71.52	Sederhana
Keselamatan Diri Dan Persekitaran	65.41	Sederhana	64.14	Sederhana
Keselamatan Penggunaan Internet	75.11	Memuaskan	78.89	Memuaskan
Domain Sosialisasi Politik	46.81	Tidak Memuaskan	44.42	Tidak Memuaskan
Penyertaan Dalam Aktiviti Politik (Termasuk Kecenderungan Terhadap Parti)	44.31	Tidak Memuaskan	40.57	Tidak Memuaskan
Mengikuti Perkembangan Politik	47.36	Tidak Memuaskan	45.07	Tidak Memuaskan
Perbincang Mengenai Isu Politik	48.75	Tidak Memuaskan	47.62	Tidak Memuaskan

PERBANDINGAN SKOR MENGIKUT BANGSA

Domain/Indikator	MELAYU	
	Nilai Skor	Tahap
Keseluruhan Skor IBM'15	70.16	Sederhana
Domain Pembangunan Kendiri	73.67	Sederhana
Penghargaan Kendiri	70.79	Sederhana
Efikasi Kendiri	72.50	Sederhana
Motivasi Pencapaian	80.50	Sangat Memuaskan
Asertif	65.15	Sederhana
Daya Tahan	75.34	Memuaskan
Keagamaan	77.63	Memuaskan
Kecerdasan Emosi	73.77	Sederhana
Domain Hubungan Sosial	78.96	Memuaskan
Hubungan Dengan Ibu Bapa/Keluarga	84.92	Sangat Memuaskan
Hubungan Dengan Masyarakat	72.57	Sederhana
Hubungan Dengan Rakan	79.40	Memuaskan
Domain Identiti	69.93	Sederhana
Daya Saing	69.01	Sederhana
Kesukarelaan	62.09	Sederhana
Patriotisme	60.69	Sederhana
Semangat Perpaduan	77.78	Memuaskan
Integriti	80.07	Sangat Memuaskan
Domain Potensi Diri	68.97	Sederhana
Kepimpinan	71.09	Sederhana
Sensitiviti /Keprihatinan	71.55	Sederhana
Berdaya Upaya	68.78	Sederhana
Keusahawanan	64.21	Sederhana
Kreatif	69.23	Sederhana
Domain Kesihatan	60.59	Sederhana
Tiada Tekanan	68.33	Sederhana
Tiada Kebimbangan	74.63	Sederhana
Tiada Kemurungan	79.10	Memuaskan
Tiada Kecenderungan Bunuh Diri	97.87	Sangat Memuaskan
Persepsi Terhadap Berat Badan	20.43	Sangat Tidak Memuaskan
Bebas Merokok	41.12	Tidak Memuaskan
Amalan Pemakanan	42.64	Tidak Memuaskan
Domain Aktiviti Waktu Senggang	81.94	Sangat Memuaskan
Penggunaan Aktiviti Sukan	70.14	Sederhana
Penggunaan Masa Senggang	93.73	Sangat Memuaskan
Domain Penggunaan Media	74.19	Sederhana
Kekerapan Guna Media	74.19	Sederhana

CINA		INDIA		LAIN-LAIN	
Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap	Nilai Skor	Tahap
68.78	Sederhana	70.27	Sederhana	70.52	Sederhana
69.33	Sederhana	72.16	Sederhana	72.95	Sederhana
66.87	Sederhana	70.57	Sederhana	70.14	Sederhana
70.36	Sederhana	72.53	Sederhana	70.90	Sederhana
74.92	Sederhana	77.62	Memuaskan	80.22	Sangat Memuaskan
62.78	Sederhana	65.16	Sederhana	66.43	Sederhana
72.15	Sederhana	75.32	Memuaskan	75.17	Memuaskan
68.32	Sederhana	71.61	Sederhana	75.43	Memuaskan
69.91	Sederhana	72.32	Sederhana	72.37	Sederhana
74.51	Sederhana	78.54	Memuaskan	79.75	Memuaskan
80.55	Sangat Memuaskan	84.32	Sangat Memuaskan	87.12	Sangat Memuaskan
68.58	Sederhana	74.24	Sederhana	72.76	Sederhana
74.40	Sederhana	77.07	Memuaskan	79.38	Memuaskan
65.66	Sederhana	69.96	Sederhana	69.60	Sederhana
65.48	Sederhana	68.66	Sederhana	65.71	Sederhana
57.42	Kurang Memuaskan	60.75	Sederhana	57.32	Kurang Memuaskan
55.90	Kurang Memuaskan	61.60	Sederhana	62.55	Sederhana
74.41	Sederhana	79.45	Memuaskan	82.19	Sangat Memuaskan
75.09	Memuaskan	79.34	Memuaskan	80.24	Sangat Memuaskan
66.11	Sederhana	67.68	Sederhana	67.55	Sederhana
66.42	Sederhana	70.43	Sederhana	67.97	Sederhana
69.15	Sederhana	69.33	Sederhana	71.71	Sederhana
66.30	Sederhana	70.28	Sederhana	67.77	Sederhana
61.83	Sederhana	59.00	Kurang Memuaskan	63.56	Sederhana
66.87	Sederhana	69.37	Sederhana	66.74	Sederhana
69.83	Sederhana	72.79	Sederhana	73.82	Sederhana
71.44	Sederhana	72.10	Sederhana	70.48	Sederhana
78.10	Memuaskan	78.43	Memuaskan	78.21	Memuaskan
80.17	Sangat Memuaskan	80.82	Sangat Memuaskan	82.59	Sangat Memuaskan
97.86	Sangat Memuaskan	97.52	Sangat Memuaskan	96.61	Sangat Memuaskan
58.78	Kurang Memuaskan	66.91	Sederhana	72.37	Sederhana
60.03	Sederhana	66.72	Sederhana	71.08	Sederhana
42.41	Tidak Memuaskan	47.02	Tidak Memuaskan	45.43	Tidak Memuaskan
79.90	Memuaskan	78.63	Memuaskan	81.30	Sangat Memuaskan
68.22	Sederhana	64.37	Sederhana	68.08	Sederhana
91.58	Sangat Memuaskan	92.88	Sangat Memuaskan	94.52	Sangat Memuaskan
72.29	Sederhana	73.24	Sederhana	73.04	Sederhana
72.29	Sederhana	73.24	Sederhana	73.04	Sederhana

Domain/Indikator	MELAYU	
	Nilai Skor	Tahap
Domain Bebas Tingkah Laku Devian	89.37	Sangat Memuaskan
Tidak Melakukan Penderaan/ Keganasan Rumah Tangga	89.45	Sangat Memuaskan
Tidak Membawa Senjata	89.32	Sangat Memuaskan
